

MEDIA WARGA KOTA

# WILAYAHKU

## FAHMI UJI KUALITI SELULAR

Zahir fokus keselesaan  
penduduk >> 5

Permata hutan  
di Asia Tenggara >> 9

Magik untuk  
Siti Nurhaliza >> 23

Panggilan terputus catat penurunan sehingga 74 peratus

# MCMC terus pantau aduan pengguna

DIANA AMIR

**K**EMENTERIAN Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) merekodkan penurunan bagi aduan panggilan terputus untuk setiap rangkaian mudah alih 4G antara 10 sehingga 74 peratus.

Menteri Komunikasi, **Fahmi Fadzil** berkata ia melibatkan liputan perkhidmatan suara oleh penyedia perkhidmatan rangkaian mudah alih iaitu CelcomDigi, Maxis, U Mobile, Unifi Mobile (TM Tech), Yes (YTL Communication) dan Telekom Malaysia.

"MCMC akan terus memantau isu ini sepanjang suku pertama sehingga 31 Mac 2024 dan melaporkan semula kepada saya.

"MCMC juga memainkan peranan penting untuk bekerjasama rapat dengan pengendali rangkaian mudah alih agar telco di Malaysia sentiasa berusaha menambah baik kualiti perkhidmatan rangkaian dan liputan," ujar beliau pada sidang media Ujian Kualiti Perkhidmatan Selular baru-baru ini.

Sebelum itu, Fahmi bersama timbalannya, Teo Nie Ching menaiki bas dari bangunan Parlimen ke Kementerian Komunikasi, Putrajaya bagi sesi Ujian Panggilan Suara atau *dropped calls-drive test* untuk meneliti sendiri kualiti panggilan telefon bimbit sama ada memuaskan atau sebaliknya.

"Ujian dilaksanakan oleh pegawai-pegawai MCMC yang terlatih dengan menggunakan peralatan khas pengujian *Nemo Walker Air*.

"Terdapat dua set *Nemo Walker Air* digunakan untuk dua jenis ujian iaitu panggilan berturutan dan panggilan berterusan.

"Dapatan daripada ujian yang dilakukan pada 9 Januari 2023, tiada panggilan terputus direkodkan dan saya ingin menekankan di sini bahawa ujian yang dibuat ialah Ujian Kualiti Perkhidmatan Selular dan bukannya panggilan menggunakan Internet.

"Kepada semua pengendali rangkaian mudah alih, saya berharap agar perhatian serius dan pantas dapat diambil dalam menyelesaikan masalah ini. Rakyat berhak mendapatkan perkhidmatan berkualiti yang setimpal nilainya dengan langganan perkhidmatan," ujarnya.

Tegas beliau, kerajaan memandang



**FAHMI (kiri)** ketika pelaksanaan Ujian Kualiti Perkhidmatan Selular dari bangunan Parlimen ke Putrajaya.

serius isu panggilan terputus yang sering kali dibangkitkan oleh pengguna sekali gus berusaha bagi menangani masalah tersebut demi kepentingan rakyat.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, Datuk Mohamad Fauzi Md Isa; Pengerusi MCMC, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din dan pengurus kanan syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan mudah alih iaitu CelcomDigi, Maxis, U Mobile, YTL dan Telekom Malaysia.

Terdahulu, dalam ujian tersebut kira-kira 30 pengamal media turut dibawa menaiki bas berasingan serta diberi taklimat berhubung proses berkenaan oleh pegawai MCMC.

Menurut Fahmi, bagi tempoh antara 1 Januari sehingga 13 Disember 2023 yang lalu, hasil pengauditan yang dijalankan oleh MCMC menunjukkan sebanyak 1,837 panggilan terputus telah direkodkan, termasuk kes-kes yang berlaku di luar kawasan liputan.

"Satu pertemuan di antara MCMC dengan pihak pengendali rangkaian mudah alih dan Digital Nasional Berhad (DNB) telah diadakan pada 14 Disember 2023 bagi membincangkan mengenai masalah panggilan terputus dalam rangkaian mudah alih.

"Susulan daripada pertemuan itu, satu bengkel telah dianjurkan bagi mencari jalan penyelesaian terbaik untuk menangani

masalah ini.

"Pada penganjuran bengkel berkenaan, beberapa inisiatif telah dikenal pasti dan dipersetujui antaranya selain daripada pihak pengendali rangkaian mudah alih 4G mengoptimumkan rangkaian mereka, DNB juga telah mengaktifkan fungsi Call Reestablishment (CRE) untuk saluran LTE700 dalam rangkaian 5G bermula dari 21 sehingga 29 Disember 2023 untuk kesemua tapak 5G di seluruh negara," katanya.

Dalam pada itu, Fahmi turut mengumumkan bahawa pihak telco sudah bersetuju agar pengguna tidak akan dikenakan sebarang caj apabila beralih kepada rangkaian 5G. **WK**

## Apa itu panggilan terputus (dropped calls)?

Dropped calls adalah panggilan yang terputus sama ada ianya dari yang memanggil atau dipanggil

## Kenapa ia terjadi?

- Pemanggil bergerak ke kawasan yang tiada isyarat (signal) atau liputan atau 'titik buta'
- Gangguan yang terhasil daripada penggunaan semual frekuensi
- Kerosakan peralatan peranti di stesen pusat atau alat pemancar
- Terputus kerana telefon tidak dapat bertahan dengan isyarat lemah dari satu stesen pusat ke stesen pusat lain (kegagalan penyerahan panggilan)

## Adakah akan dikenakan caj berlebihan?

Tidak. Tiada caj berlebihan akan dikenakan apabila anda cuba mendail semula selepas panggilan tersebut terputus. Caj adalah sama seperti mana-mana panggilan biasa

## Adakah ia berkaitan dengan jenis atau kualiti telefon yang digunakan?

Ya, terdapat beberapa telefon yang lebih baik daripada yang lain contoh kedudukan antenna pada peranti adakala mempengaruhi kualiti panggilan

## Bagaimana untuk membuat aduan mengenai masalah ini?

Orang ramai digalakkan membuat aduan mengenai masalah dropped calls di Laman Portal Aduan : <http://aduan.skmm.gov.my/> atau 1-800-888-030



Majoriti setuju pembangunan Kampong Bharu

# PKB berjaya yakinkan pemilik tanah

AZLAN ZAMBRY

**P**ERBADANAN Pembangunan Kampong Bharu (PKB) merupakan sebuah perbadanan yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011 (Akta 733). PKB berperanan sebagai pemudah cara termasuk melaksana polisi dan arah tuju pembangunan, sebagai badan penyelarar utama dalam pemajuan di Kampong Bharu, memaju, menggalakkan dan memudahkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang teratur.

Tidak dinafikan sensitiviti orang-orang Melayu mengenai tanah Kampong Bharu amat tinggi sehingga pelbagai persepsi liar ditimbulkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab kerana mahu menggagalkan rancangan kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup penduduk di situ.

Namun bertitik tolak serta keazaman jitu PKB, jumlah penduduk dan waris yang menyatakan persetujuan ke atas cadangan pembangunan semula telah meningkat dari semasa ke semasa sehingga yang terakhir mencecah 88 peratus sekali gus membuktikan perjuangan PKB mula diakui serta mendapat perhatian penduduk yang mahu kawasan itu dibangunkan.

Bercakap mengenai pembangunan Kampong Bharu, Fellow Kanan Akademi Penyelidikan Strategik Nusantara (NASR), Profesor Madya Dr Azmi Hassan menyifatkan angka 88 peratus ke atas cadangan pembangunan semula yang telah diraih oleh PKB menunjukkan kesediaan orang Melayu untuk bersama-sama dengan kerajaan dalam membangunkan semula kawasan itu.

“Angka 88 peratus ini boleh dikatakan sudahpun mencapai 100 peratus berikutan baki 12 peratus yang belum menyatakan sokongan ke atas cadangan pembangunan semula berkemungkinan disebabkan



PERJUANGAN PKB mula diakui serta mendapat perhatian penduduk.

pertindihan jumlah pemilik yang ramai atau yang telah meninggal dunia.

“Selain itu pencapaian PKB dalam mencatatkan jumlah tersebut boleh dikatakan berjaya kerana isu tersebut sememangnya sukar kerana ia melibatkan perkara yang sensitif dalam kalangan orang Melayu,” katanya.

Menurut Azmi dengan perkembangan baharu itu, ia memudahkan PKB meneruskan rancangannya dalam memberikan wajah baharu untuk penempatan Melayu yang telah menjangkau usia 124 tahun ini.

“Saya berpendapat apa yang perlu dilakukan adalah dengan membuat pembangunan secara organik mengikut kaedah secara blok-blok pembangunan yang telah dipersetujui supaya pembangunan dapat dijalankan dengan segera.

“Ia perlu dilaksanakan agar pemilik dan pewaris melihat apa manfaat yang akan mereka dapat jika pembangunan ini disegerakan kerana pembangunan secara fizikal itu boleh memujuk mereka,” katanya.

Beliau yang juga geostrategis terkemuka berkata kewujudan seorang menteri dalam menjaga hal

ehwal Wilayah Persekutuan juga memudahkan proses yang berkaitan termasuk untuk menarik minat 12 peratus yang belum menyatakan persetujuan ke atas cadangan pembangunan semula tersebut.

“Sebahagian pemilik dan pewaris dalam kelompok 12 peratus ini mengambil sikap tunggu dan lihat. Bagi menangani perkara ini, pihak kementerian boleh mengambil inisiatif proaktif untuk mengadakan sesi libat urus atau turun padang di Kampong Bharu. Dengan cara ini, ia boleh menambahkan lagi keyakinan pemilik, penduduk terhadap usaha kerajaan untuk pembangunan semula Kampong Bharu,” katanya.

Tambah Azmi, melalui jumlah terkini seramai 7,242 pemilik berdaftar hartanah di Kampong Bharu serta meliputi dari tiga hingga lima generasi, ramai pihak mengandaikan misi untuk mendapatkan persetujuan baki 12 peratus itu berkemungkinan sukar, namun jelas beliau ia tidak mustahil kerana sepanjang 12 tahun PKB ditubuhkan ia telahpun memperolehi sokongan lebih besar berbanding dahulu.

Sementara itu Pengerusi Persatuan Pembangunan Kampong Bharu (PPKB), Ar Ts Sri Nor

Shamsul menyifatkan cadangan pembangunan dengan kaedah secara blok-blok pembangunan dari keseluruhan keluasan 300.73 ekar yang dipecahkan kepada 44 blok pembangunan dari segi komposisi pelan adalah sangat realistik berikutan ada kalangan kelompok penduduk yang telah bersetuju untuk kawasan mereka dibangunkan.

“Contohnya kawasan pembangunan semula di Kampung Sungai Baru dan di Kampung Padang yang mana kedua-dua kawasan itu di luar dari pentadbiran M.A.S yang membolehkan hala tuju pembangunan direalisasikan berdasarkan isu yang minima,” katanya.

Kata Nor Shamsul pembangunan secara blok-blok pembangunan yang dicadangkan itu juga bersesuaian dengan kapasiti PKB ketika ini yang mana keupayaan organisasi itu terbatas serta tidak mampu mengemblem tenaga untuk membangunkan keseluruhan Kampung Bharu secara serentak.

“Idea itu sangat realistik dan tidak perlu mengejar pembangunan secara komprehensif kerana cadangan pembangunan melibatkan lingkungan dua hingga lima ekar

sahaja adalah praktikal khususnya lot-lot yang membabitkan pemilik dan pewaris yang telah menyatakan persetujuan.

“Jadi dengan perancangan secara berperingkat, kita sasarkan pembangunan di luar kawasan M.A.S terlebih dahulu dan dorongan kerajaan dari segi pembiayaan infrastruktur secara berfasa maka saya yakin akan menjadi role model kepada blok-blok pembangunan yang lain untuk seiring dengan aspirasi pembangunan semula Kampong Bharu,” ujar beliau. **WK**

## RALAT

KAMI merujuk artikel kami yang disiarkan pada Bil 245 bertarikh 12-18 Januari 2024 (muka surat 3) di bawah tajuk ‘7,242 pemilik berdaftar’ pada perenggan ke-7 dan terakhir berbunyi.

“Ketiadaan muafakat antara pemilik dan pewaris tanah yang mengakibatkan kegagalan mendapat persetujuan bersama bagi menyelesaikan isu harta pusaka dan pembangunan semula.”

“Rancangan pembangunan semula kampung tradisi Melayu dikatakan sukar untuk diteruskan berikutan masalah melibatkan pemilikan berganda dan kini telahpun meningkat sehingga kepada generasi ke lima serta tidak mendapat kata putus dalam kalangan waris.”

Kedua-dua ayat tersebut bukanlah kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kampong Bharu, Dr Amir Raslan Abu Bakar.

Kami memohon maaf dan kesal di atas sebarang kesulitan yang timbul kepada beliau dan Perbadanan Kampong Bharu. - WILAYAHKU

## Kadar tarif air terpaksa dinaikkan untuk semua negeri

ZULKIFLI SULONG

**SELEPAS** mendapat permohonan dari hampir semua negeri termasuk negeri-negeri pembangkang, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mengumumkan kenaikan tarif air untuk semua negeri.

SPAN dalam kenyataannya 17 Januari lepas, memaklumkan tarif baharu air naik secara purata 22 sen bagi setiap meter padu bagi kategori domestik di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan mulai 1 Februari ini.

Walau bagaimanapun, kata SPAN menerusi kenyataannya, kenaikan tersebut masih rendah dan tidak dapat menampung kos sebenar penyediaan perkhidmatan

bekalan air sebanyak RM1.75 bagi setiap meter padu berdasarkan rekod sebenar 2022.

Kelantan, Terengganu dan Kedah di samping Pulau Pinang berhadapan dengan masalah pengurusan air yang teruk dan tidak mampu lagi bertahan dengan tarif air yang ada sekarang.

Pulau Pinang berdepan dengan kerosakan paip dalam sungai di samping ugutan dari Kedah untuk tidak lagi membenarkan air dijual ke negeri itu. Ia menyebabkan Pulau Pinang terpaksa mencari sumber baharu termasuk dari Perak.

Kelantan sejak sekian lama berdepan dengan masalah air keruh yang masuk ke dalam pili air pengguna manakala Terengganu juga mempunyai masalah kos

pengurusan air yang tinggi.

Pahang, Selangor dan Melaka juga berdepan dengan masalah sumber dan pengurusan air yang memerlukan kenaikan kadar tarif air.

Menurut SPAN, pelarasan tarif air ini akan dilaksanakan mengikut Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) bagi pengguna kategori domestik.

Berdasarkan TSM, struktur dan komponen tarif akan diseragamkan untuk negeri di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tarif air pula, mengikut TSM, akan dikaji semula setiap tiga tahun untuk memastikan keselarasan dalam penentuan bayaran.

“Pelarasan tarif air bagi kategori domestik tidak lagi boleh ditangguhkan

supaya tidak menjejaskan kemampanan industri perkhidmatan air dalam jangka panjang sekali gus memberi impak kepada kualiti perkhidmatan bekalan air yang dinikmati rakyat.

“Namun, kenaikan ini masih rendah dan tidak dapat menampung kos sebenar penyediaan perkhidmatan bekalan air sebanyak RM1.75 bagi setiap meter padu berdasarkan rekod sebenar 2022,” kata SPAN.

Bagi meminimumkan kesan kenaikan ke atas bil air bulanan rakyat, SPAN menyarankan supaya operator bekalan air di negeri masing-masing meneruskan inisiatif sedia ada iaitu memberikan bantuan kepada pengguna domestik secara bersasar seperti pemberian rebat kepada golongan B40. **WK**

## Dilabel Bapa Pengumuman

## Anwar terus bekerja tak hirau kritikan

**S**EJAK lebih setahun menggalas tanggungjawab sebagai pemimpin negara, Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim terus bekerja keras untuk memastikan segala masalah yang dihadapi oleh rakyat dapat diselesaikan.

Malah gelaran Kerajaan Bekerja yang diberi kepada beliau bersama timbalan perdana menteri, menteri dan juga timbalan menteri dapat dilihat jelas melalui pelbagai gerak kerja yang dilakukan.

Namun begitu, masih terdapat juga segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab menghentam kerajaan dan seolah-olah menutup mata daripada melihat usaha beliau untuk meningkatkan ekonomi negara dan sebagainya.

Agak keterlaluan apabila ada yang melabel PM sebagai Bapa Pengumuman Malaysia yang hanya pandai membuat pengumuman sahaja tanpa sebarang langkah untuk melaksanakan.

Sebagai yang bijak pandai sepatutnya sebelum melemparkan tuduhan sebegitu kaji dahulu apa yang dilakukan oleh PM yang gigih memperjuangkan nasib rakyat, menjalin hubungan diplomatik serta membincangkan hal-hal ekonomi bersama pemimpin luar negara.

Misalnya baru-baru ini, Anwar yang melakukan lawatan kerja di Johor telah menzahirkan keyakinan bahawa Malaysia punya potensi dan kekuatan untuk diangkat sebagai sebuah negara yang maju, cemerlang dan dikagumi dunia.

“Kita perlukan ekonomi yang kukuh dan mampan. Namun syarat untuk kita mencapai matlamat ini



KERAJAAN fokus bangunkan ekonomi negara.

hanyalah menerusi pengurusan agensi, jabatan dan kerajaan yang cekap dan bersih daripada rasuah.

“Inilah agenda yang sedang direncana Kerajaan Madani. Lebih utama adalah tanggungjawab rakyat, khususnya anak muda jika mahu selamatkan negara ini, pastikan tidak ada lagi pemimpin yang merompak harta rakyat dan negara untuk perakyakan diri dan keluarga,” ujar beliau.

Dalam masa yang sama, menerusi Facebook miliknya, Anwar menerima kunjungan hormat Menteri Luar Jerman, Annalena Baerbock dan delegasi

yang kini sedang dalam lawatan ke Asia Tenggara yang terdiri daripada Filipina dan Singapura selain Malaysia.

“Beberapa perkara telah dibincangkan hatta mendapat persetujuan bersama dalam pengukuhan berkaitan aspek ekonomi, pendidikan, sains dan teknologi, TVET selain meningkatkan persefahaman antara budaya,” kata beliau.

Sebagai contoh usaha kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negara ini adalah pendekatan jangka panjang yang tentunya memberi kesan positif

kepada ekonomi negara.

Tidak dinafikan, sebahagian usaha-usaha ini tentulah tidak dapat dilihat keberkesanan dalam tempoh yang pendek namun semua usaha atau pelan ekonomi yang dirancang memerlukan satu tempoh yang matang sebelum dapat diukur kejayaannya.

Mungkin aspirasi Madani sukar untuk dihadamkan kepada orang awam terutamanya mereka yang tidak cakna kepada suhu politik negara namun perkara yang dipentingkan adalah untuk mengubah cara fikir rakyat untuk membangun negara bangsa. **WK**

## Fahmi sifatkan individu perlekeh kerajaan rabun politik

**DI** media sosial ada sahaja provokasi yang dilakukan golongan tertentu yang mengatakan kerajaan yang ada pada hari ini bakal tumbang tidak lama lagi. Berita yang tidak sahih tersebut terus berlegar tanpa henti.

Ada kata bulan Ogos lalu, tapi tiada apa-apa berlaku. Tidak kurang juga yang fikir kerajaan tumbang pada tahun baharu, tapi tiada juga. Ada saja andaian dan cubaan mahu mencari kelemahan kerajaan Madani.

Hakikatnya, rakyat masih menyokong dan memerlukan Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengemudi Malaysia sekali gus menjadikan sebuah negara kuasa ekonomi pada masa akan datang.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil menyifatkan individu yang memperlekehkan kekuatan Kerajaan Perpaduan selain sering menantikan kejatuhan barisan pimpinan kerajaan sedia ada sebagai golongan rabun politik.

Kata beliau, dakwaan kerajaan akan jatuh telah timbul sejak



FAHMI tegas mengatakan kerajaan pimpinan Anwar masih relevan.

setahun yang lalu, namun sehingga hari ini barisan jemaah menteri di bawah pimpinan PM masih relevan dan dipercayai masyarakat.

“Saya ada baca satu hantaran di media sosial, rangkuman dari seawal Disember 2022, ada kumpulan yang daripada Disember, tiap-tiap bulan kata bulan ini (kerajaan) akan tumbang.

“Bulan depan, minggu depan akan tumbang, Tahun Baharu Cina akan tumbang, hari raya akan tumbang, bulan lapan, bulan 12 akan tumbang.

“Kepada mereka yang selalu bercakap tentang perkara ini, saya nampak mereka mungkin rabun politik. Jadi, saya menggesa mereka untuk buat pemeriksaan mata dan

kena bersihkan ‘katarak politik’,” selorohnya.

Dalam masa sama, Fahmi turut memaklumkan bahawa sebelum ini Pengerusi Gabungan Parti Sarawak (GPS), Tan Sri Abang Johari Tun Openg menegaskan bahawa parti itu akan terus kekal menyokong Kerajaan Perpaduan termasuk Anwar sebagai Perdana Menteri sehingga ke akhir penggal.

“Kepada mereka yang cuba mengapi-apikan sentimen, pihak berkuasa sedang menyiasat, dan sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran undang-undang, maka mereka akan dihadapkan ke muka pengadilan,” tegasnya.

Sebelum ini Anwar mahu negara ini kembali baik dari segi ekonomi, negara dan rakyat yang bersatu padu.

“Impian dan cita-cita saya ialah menjadikan Malaysia kuasa ekonomi dan sebuah negara yang hebat untuk semua rakyatnya,” ujar beliau ketika berucap pada Ceramah MEGA MADANI di Pekan Sungai Ara. **WK**

MENARIK  
WILAYAHKU

## KUALA LUMPUR

**31/10/23-20/1/24:** Pameran Timbang dan Sukat: Kearifan Metrologi @ Jabatan Muzium Malaysia

**25-26/1/24:** Pameran Digital Hang Tuah Tidak Mati @ MATIC

**27-28/1/24:** Cabaran Teh Tarik @KL Tower

**27/1/24:** Oriental Fashion Show @Sunway Putra Mall

**27-28/1/24:** Nasi Kandar Festival @Tower Terrace, KL Tower

**30-31/1/24:** Pertunjukan kebudayaan @ Mini Auditorium MATIC

## PUTRAJAYA



**28/1/24:** MAIWP Run @ Dataran Putrajaya

**1/2/24:** Pertandingan Mewarna @Dewan Seri Siantan

**1-4/2/24:** Kee Nguyen Vietnam's Finest Coffee @Kompleks PPj

**3/2/24:** Pertandingan Melukis Doodle @ Dewan Seri Siantan

**3-4/2/24:** Senamrobik bersama Cikgu Laili @ Dataran Putrajaya

**4/2/24:** Pertandingan Lego @ Perbadanan Putrajaya

## LABUAN



**21/1/24:** Chinese New Year charity event @ Dewan SJK(C)Chi Wen, Labuan

**27/1/24:** Labuan Diving Festival 2.0

**27/1/24:** Labuan Berselawat bersama Profesor Ustaz Dr Hj Abdul Somad @Dataran Labuan

# Zahir fokus keselesaan penduduk

**A**HLI Parlimen Wangsa Maju, **Zahir Hassan** terus cekal menempuh segala cabaran yang mendatang dalam menjalankan tugas membantu rakyat terutamanya di kawasan Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

Dalam masa yang sama, semangat beliau sentiasa membara serta berusaha memberikan perkhidmatan terbaik demi masa depan negara yang lebih cemerlang.

Segala permasalahan ditangani dengan tenang tanpa keluh-kesah dan beliau dilihat antara Ahli Parlimen yang sentiasa mendengar dan dekat di hati rakyat berbilang kaum.

*Wilayahku* berpeluang menemu bual beliau bagi mengetahui lebih lanjut pengalaman dan cabaran yang ditempuhi selain agenda yang dirancang untuk tahun 2024.



Ia adalah satu isu yang besar dan serius, apatah lagi apabila melibatkan penduduk kehilangan tempat tinggal mereka sendiri. Banyak keluhan pihak kami terima daripada penduduk di situ untuk menyelesaikan permasalahan mereka.

Hal ini melibatkan banyak pihak serta proses yang memerlukan badan perundangan untuk membantu situasi tersebut. Keputusan daripada pihak mahkamah juga telah dilaksanakan baru-baru ini.

Perbincangan juga turut diadakan bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa dalam mencari jalan penyelesaian terbaik.

Syukur pihak Yayasan Pendidikan Tunku Abdul Rahman (TAR) juga memberikan kerjasama dengan membenarkan atau memberikan jaminan mereka boleh tinggal di situ sehingga isu penempatan diselesaikan.

**Apakah antara sumbangan yang dilaksanakan terhadap penduduk Wangsa Maju?**

Bercakap mengenai sumbangan serta penghargaan pula, suka untuk saya menceritakan, pihak saya sentiasa bekerja keras dalam

memberikan sumbangan serta perkhidmatan terbaik kepada penduduk di sini.

Malahan, sebanyak 21 buah sekolah (10 sekolah rendah, 11 sekolah menengah) yang terdapat di sini, kesemuanya diberikan sumbangan sekurang-kurangnya sebanyak RM10,000 bagi menampung perbelanjaan mereka, bantu melengkapkan barangan sekolah dan sebagainya.

Tidak terkecuali untuk beliau di mana mereka juga merupakan masa depan negara, banyak program yang dilaksanakan bagi membantu golongan ini terus aktif baik dari segi pendidikan mahupun kewangan.

Selain itu, golongan warga emas turut dibantu dengan sumbangan barangan keperluan, kewangan selain yang masih mempunyai kudrat pihak kami memberi platform untuk menambah pendapatan dengan menjayakan kebun bandar atau pertanian.

**Apakah peranan YB dalam membantu usaha kerajaan?**

Sebagai wakil rakyat memang ia bukan satu tugas yang mudah untuk dilaksanakan namun saya bersama pasukan termasuk agensi-agensi kerajaan sering bertindak mengikut arahan.

Antaranya seperti membantu kerajaan membasmi kemiskinan tegar bandar, program-program persekolahan, jalan raya mahupun pembangunan-pembangunan di kawasan ini.

Syukur semua gerak kerja berjalan dengan lancar setakat ini dan banyak lagi perancangan yang telah diatur bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada kesemua penduduk Wangsa Maju.

**Apakah harapan YB untuk tahun ini dan di masa hadapan?**

Besar harapan saya untuk terus memajukan serta memberikan keselesaan kepada penduduk Wangsa Maju, tidak semua masalah mampu kita selesaikan dalam sekelip mata namun, saya berjanji akan memberikan solusi yang terbaik kepada semua pihak.

Di dalam dunia serba moden ini juga memberikan peluang yang mudah untuk menghubungkan saya dengan penduduk di sini untuk terus bekerjasama ke arah mengharmonikan permuafakatan semua pihak yang menetap di sini.

WK



**Apakah cabaran yang dihadapi sepanjang bergelar Ahli Parlimen Wangsa Maju?**

Di Wangsa Maju, terdapat kira-kira 120,000 penduduk pelbagai kaum dan agama di mana perlu saya jaga dan prihatin terhadap nasib mereka. Sudah semestinya banyak cabaran yang dihadapi terutamanya melibatkan isu-isu bandar seperti masalah parkir, kesesakan lalu lintas, penjaja dan pelbagai lagi

Justeru itu, pelbagai langkah telah diambil bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan dalam menyelesaikan masalah-masalah ini daripada terus berleluasa.

**Antara fokus utama dan perancangan dalam perkhidmatan YB?**

Fokus utama saya ialah perancangan jangka panjang dengan kelangsungan hidup penduduk sekitar Wangsa Maju terutamanya keselesaan penduduk setempat seperti mengurangkan kesesakan, pembangunan yang banyak, malah terus bersama membantu kerajaan bagi menghapuskan atau mengurangkan kemiskinan tegar yang terdapat di sini.

**Bercakap tentang soal miskin tegar, berapa banyakkah jumlah yang terdapat di Wangsa Maju dan apakah yang telah dilakukan bagi mengatasi masalah ini?**

Setakat data yang pihak kami kumpulkan terdapat 124 isi rumah yang dilabel miskin tegar, pelbagai bantuan juga telah disalurkan bagi memastikan mereka terus mampu untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Selain itu, pihak kita juga

ada bekerjasama dengan agensi kerajaan bagi memberi peluang kepada golongan ini menambah pendapatan mereka supaya mampu mengorak langkah ke hadapan sekali gus mengubah nasib kehidupan mereka sendiri.

**Lambakan projek perumahan, kesesakan lalu lintas antara masalah utama yang dihadapi penduduk, apakah pendekatan atau jalan penyelesaian yang dibuat pihak YB?**

Ini adalah isu berpanjangan yang dihadapi di segenap bandar-bandar besar. Bayangkanlah kalau setiap taman perumahan mempunyai kepadatan 2,000 unit rumah ditambah pula dengan dua hingga tiga biji kereta setiap unit, itu yang menyebabkan banyak kesesakan berlaku.

Perkara ini, sering menjadi topik perbualan di antara saya bersama persatuan-persatuan penduduk, memang sukar untuk mencari jalan pintas, namun antara penyelesaian yang boleh kita laksanakan ialah penggunaan pengangkutan awam.

Selain itu, kita cuba mencari kata sepakat bersama penduduk untuk mengelakkan mereka daripada meletakkan kenderaan di bahu-bahu jalan yang kadangkala menghalang pergerakan lalu lintas dengan lebih lancar seperti parkir di kawasan padang.

Kita juga ada membuat sesi *townhall* bersama wakil-wakil penduduk sebanyak tiga kali setahun bersama agensi-agensi kerajaan bagi mendeNgar keluhan atau isu-isu yang dibangkitkan.

**Bagaimana YB hadapi isu penduduk Kampung Setia Jaya?**

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Halang laluan pejalan kaki

# DBKL ambil tindakan isu pintu jeriji

HAZIRAH HALIM

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengarahkan pengurusan Flat Seksyen 2 Wangsa Maju mengambil tindakan kepada pemilik rumah berhubung aduan pemasangan pintu jeriji yang menghalang laluan pejalan kaki.

DBKL menerusi satu kenyataan memaklumkan, satu surat arahan telah dikeluarkan selepas pihaknya melalui Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COBKL) melakukan pemeriksaan di kawasan tersebut baru-baru ini.

“Hasil pemeriksaan mendapati terdapat beberapa unit telah melakukan pengubahsuaian yang tidak hanya kepada pemasangan gril tetapi mengubah suai tambahan struktur.

“Pihak COBKL telah mengeluarkan surat kepada pihak pengurusan kediaman tersebut supaya mengambil tindakan kepada pemilik petak agar mengembalikan semula pengubahsuaian itu kepada bentuk asal.

“Perkara ini merupakan bidang kuasa pihak pengurusan selaras dengan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

“Di bawah Seksyen 59 (1) Akta 757 juga telah menyatakan bahawa kewajipan pihak pengurusan



PEMASANGAN pintu jeriji di salah sebuah rumah Flat Seksyen 2 Wangsa Maju yang menghalang laluan pejalan kaki.

adalah menyelenggara dan mengurus dengan sepatutnya bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak dan harta bersama dan menjaganya,” jelasnya.

Sebelum ini tular di media sosial gambar keadaan laluan pejalan kaki dipasang jeriji dengan sekurang-kurangnya

satu pintu dipasang di bangunan empat tingkat itu sekali gus telah menghalang laluan dan menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk.

Dalam perkembangan lain, sebuah struktur sementara kanopi tertutup dan binaan kekal tandas di Jalan Titiwangsa, Taman Tasik Titiwangsa telah dirobek oleh DBKL menerusi tindakan Operasi

Roboh yang disediakan.

“Operasi bersepadu ini telah diketuai oleh Pengarah Jabatan Penguatkuasaan DBKL, Noor Azman Mahlin yang ketika itu menjawat jawatan tersebut bersama kekuatan anggota seramai 124 pegawai daripada pelbagai jabatan dalam DBKL dan pasukan pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Ketua Pengarah

Tanah dan Galian serta Syarikat Air Selangor.

“Struktur sementara itu dibina tanpa kelulusan perintah pembangunan dan telah didakwa di bawah kesalahan Seksyen 26 Akta Perancangan WPKL 1982,” katanya.

Sementara itu, DBKL juga melaksanakan pemeriksaan ke atas 78 buah pelbagai jenis kenderaan menerusi Tindakan Bersepadu Operasi Bersih Siri 1/2024 di Jalan Istana dan Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur.

“Ops Bersih merupakan gabungan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan secara bersepadu bersama agensi sahabat. Ia melibatkan kenderaan persendirian atau kenderaan perdagangan yang melakukan kesalahan am trafik, tahap kebersihan kenderaan, pencemaran asap dan permit kebenaran mengangkut bahan (batu, tanah, simen, kaca, jubin) melalui mana-mana jalan awam sekitar Kuala Lumpur.

“Menerusi operasi tersebut, 22 notis kompaun pelbagai kesalahan telah dikeluarkan di bawah Akta Jalan Parti dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil (UUK) Pengangkutan Bahan WPKL 1997,” jelasnya PDRM turut mengeluarkan 17 saman manakala enam notis daripada SWCorp. **WK**

## Permohonan geran dibuka

**PERMOHONAN** untuk Geran Masyarakat Madani Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 kini dibuka kepada semua pemohon yang berkecualan.

Menerusi perkongsian hantaran di laman Facebook Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), geran tersebut ditawarkan kepada pemohon berkecualan yang terdiri daripada komuniti berdaftar, sekolah dan Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS), badan bukan kerajaan (NGO) termasuk kemudahan masyarakat.

Menurut hantaran itu, bidang keutamaan bagi geran masyarakat Madani ini memfokuskan kepada empat aspek iaitu pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, sistem tenaga mampan, pengurusan sisa mampan serta penyertaan komuniti dan gaya hidup hijau.

“Untuk mendaftar dan mendapatkan garis panduan mengenai geran ini, orang ramai boleh mengimbas Kod QR yang tertera di dalam poster atau layari <https://tinyurl.com/madanirendahkarbonkl>. Tarikh akhir permohonan ini adalah pada 29 Februari (Khamis) pada pukul 5 petang.

“Bagi kriteria umum projek, ia merangkumi projek sedia ada

yang dijalankan oleh pemohon dan ingin ditambah baik atau diselesaikan. Pemohon juga perlu menyertakan bukti projek sedia ada.

“Selain itu, pemohon juga hendaklah berada di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan memberi manfaat secara langsung kepada penduduk serta selari dengan teras Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030

dan Sustainable Development Goals 2030,” jelas perkongsian itu yang juga menyatakan kadar pembiayaan adalah sebanyak RM5,000 hingga RM20,000.

Sehubungan itu, DBKL mempelawa mana-mana individu atau pihak yang berkecualan merebut peluang itu sekali gus bersama-sama menjayakan bandar raya Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar rendah karbon menjelang 2030. **WK**

**GERAN MASYARAKAT MADANI RENDAH KARBON KUALA LUMPUR 2030**

**BIDANG KEUTAMAAN**

- PEMULIHAN DAN PEMULIHAN ALAM SEKITAR
- SISTEM TENAGA MAMPAK
- PENGURUSAN SISA MAMPAK
- PENYERTAAN KOMUNITI DAN GAYA HIDUP HIJAU

**KADAR PEMBIAYAAN**

**RM 5,000 - RM 20,000**

**KRITERIA UMUM PROJEK**

- Projek **SEDIA ADA** yang dijalankan oleh pemohon dan ingin **DITAMBAH BAIK ATAU DISELESAIKAN**, pemohon juga perlu menyertakan bukti projek sedia ada.
- Berada dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan memberi manfaat secara langsung kepada penduduk.
- Selari dengan Teras Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 dan Sustainable Development Goals 2030.

**PEMOHON BERKECUALAN**

- Komuniti Berdaftar (RA/KRT)
- Sekolah dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPTA/IPTS)
- Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)
- Kemudahan masyarakat

**TARIKH AKHIR PERMOHONAN**

**29 FEBRUARI 2024 (KHAMIS) 5 PETANG**

**BORANG DAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN**

<https://tinyurl.com/madanirendahkarbonkl>

**KL CN 2030**

**KUALA LUMPUR CARBON NEUTRAL**



## Peluang kemuka cadangan

**SELURUH** warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dipelawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengemukakan idea dan pandangan bagi penyediaan Belanjawan DBKL bagi tahun 2025.

DBKL berkata idea dan cadangan yang ingin dikemukakan adalah berdasarkan kepada 11 program iaitu pembersihan bandar dan kesihatan, infrastruktur jalan raya dan sistem lalu lintas, Taman rekreasi, Penyelenggaraan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Kesejahteraan komuniti.

“Ia juga merangkumi aspek pengurusan penaja, kebudayaan, kesenian, sukan dan pelancongan, kemudahan awam lain, penyelenggaraan sungai kolam dan parit serta penguatkuasaan,” jelas DBKL dalam satu kenyataan.

Ujar DBKL, orang ramai boleh mengemukakan idea dan cadangan itu melalui capaian portal Idea Belanjawan DBKL 2025 di laman sesawang [www.dbkl.gov.my/belanjawan](http://www.dbkl.gov.my/belanjawan) bermula 9 Januari sehingga 7 Mac 2024.

“Setiap idea yang diberikan merupakan langkah dalam menjadikan visi Kuala Lumpur tercapai sebagai sebuah bandar raya sejahtera untuk semua menjelang 2030 tercapai,” katanya. **WK**



PELAJAR UMS membuat demo 'belum mandi' di hadapan Zambry baru-baru ini.

# Pengajaran dari UMS



ZULKIFLI SULONG

**T**UJUH bulan lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengadakan sesi diskusi atau *town hall* dengan pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Dalam sesi Temu Anwar di UMS itu, seorang pelajar bangkit bertanya tentang masalah air yang mereka hadapi di kampus itu.

Dalam video yang tersebar itu, Anwar dilihat bertanya kepada Naib Canselor berapa yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah air di kampus UMS itu.

"RM700,000 itu cukup gerudi air? Total diperlukan berapa? Okey, satu gerudi air RM700,000 campur tiga, jadi saya luluskan RM3 juta.

"Untuk ini, sebab saya tidak mahu anak-anak (mahasiswa bermasalah). Ini keadaan sukar, saya ambil alih jawatan Perdana Menteri dalam keadaan hutang negara RM1.5 trilion," jelasnya bagi menjawab persoalan pelajar UMS itu.

Saya difahamkan, selepas beberapa hari sahaja, wang RM3 juta itu telah disediakan segera untuk UMS bagi membolehkan masalah air itu diselesaikan serta-merta.

Ia telah memeranjatkan keluarga besar petugas IPT di seluruh negara kerana tindakan Anwar itu amat membanggakan mereka kerana ia tidak pernah dibuat oleh mana-mana pemimpin sebelum ini.

Namun selepas tujuh bulan berlalu, minggu lalu, tiba-tiba negara dikejutkan dengan pelajar UMS membuat demo 'belum mandi' ketika Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir berkunjung ke UMS.

Ekoran itu, Anwar mahu

satu laporan penuh berhubung peruntukan dan pelaksanaan bagi menyelesaikan isu bekalan air di UMS seperti dibangkitkan tahun lalu.

Perdana Menteri (PM) berkata beliau pernah meluluskan peruntukan sebanyak RM3 juta kepada UMS bagi tujuan berkenaan pada Mei tahun lalu.

"Saya tidak ingat bila saya pergi ke UMS tapi saya dengar keresahan mereka (pelajar). Saya minta kepastian daripada Naib Canselor dan saya luluskan. Jadi saya tidak mengerti (kenapa isu belum selesai) tapi mungkin projek itu mengambil masa.

"Jadi saya nak minta laporan penuh dan apa jadi sejak Menteri Kewangan luluskan peruntukan segera RM3 juta bagi menyelesaikan masalah air di universiti berkenaan," katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di sini 9 Januari lepas.

Kita yakin, PM Anwar sangat kecewa dengan apa yang berlaku. Ini kerana, beliau secara terus meluluskan peruntukan RM3 juta itu, tetapi selepas tujuh bulan ia belum diselesaikan.

Seminggu sebelum itu, PM Anwar baru sahaja mengumumkan tentang kewajipan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan mengemukakan laporan bulanan berkenaan kemajuan serta sumbangan penjawat awam dalam melaksanakan setiap projek kerajaan.

PM Anwar berkata laporan tersebut perlu dihantar melalui Ketua Pengarah (KP) atau Ketua Setiausaha (KSU) kementerian kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) untuk dimaklumkan kepada beliau.

"Selalunya bila ketua-ketua jabatan, KSU jumpa dalam perbincangan, mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa Kabinet, semua akan memberi

cadangan tambah projek, ya memang dibolehkan.

"Tetapi ada keadah baharu yang kita hendak perkenalkan, mesti ada laporan bulanan apa yang dilakukan, apakah sumbangan saudara-saudara dalam usaha untuk melaksanakan projek itu.

"Dan laporan bulanan ini harus dihantar melalui KP atau KSU kepada KSN dan juga untuk makluman saya supaya ada pendekatan yang agak berbeza," katanya ketika berucap pada Majlis Perjumpaan Perdana Menteri bersama warga Jabatan Perdana Menteri 8 Januari lalu.

Pendekatan ini diambil seolah-olah beliau tahu, jika ia tidak dikawal, perkara seperti yang berlaku di UMS itu akan berlaku di tempat lain.

Kita yakin, dilema yang berlaku tentang masalah air di UMS ini bukan satu-satunya isu yang dihadapi rakyat tetapi gagal diselesaikan dengan secepat mungkin oleh pihak-pihak yang sepatutnya.

Isu pelajar tidak boleh mandi di UMS ini kita tahu kerana ia berlaku kepada anak muda yang jiwanya panas dan ghairah. Mereka bangkit menyuarakan masalah mereka kepada orang, masa dan suasana yang tepat.

Bagaimana dengan isu-isu lain yang terpendam. Kita bimbang ia umpama api dalam sekam yang ada dalam masyarakat, yang kita sendiri tidak sedar kehadirannya. Saya bimbang, ia merebak secara senyap dan akhirnya meletup.

Kita berharap pendekatan yang diambil oleh PM agar laporan berkala ini (sebulan sekali) berjaya menyelesaikan masalah ini. Kita berharap, apa-apa sahaja isu yang sedang bergerak berjaya di sekat segera ketika ia masih kecil.

Wallahualam.

**PENULIS adalah pengamal media yang berminat dengan politik.**



## Stadium Merdeka dibuka kembali

**STADIUM** Merdeka, mercu tanda ikonik dan penuh bersejarah tanah air, akan dibuka semula kepada orang ramai pada suku kedua tahun 2024 setelah ditutup sejak tahun 2016 untuk kerja pemuliharaan dan penambahbaikan.

Kerja-kerja ini dilaksanakan oleh PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd, pemilik Stadium Merdeka, bertujuan memulihara dan mengekal stadium berkenaan. Usaha ini mendapat kerjasama dan sokongan Badan Warisan Malaysia dan Jabatan Warisan Negara.

Matlamat utama ialah mengembalikan Stadium Merdeka kepada keadaan asal seperti mula dibuka pada 1957. Untuk itu, tempat duduk tambahan yang dibina sebelumnya bagi menampung sehingga 45,000 penonton menjelang Sukan Asia Tenggara (SEA Games) pada 1989 dirobohkan.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, Stadium Merdeka ialah aset keramat. Di sini bergemanya laungan 'Merdeka' penuh bersemangat selepas perisytiharan kemerdekaan oleh Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, dalam suasana syahdu dan gemilang pada pagi 31 Ogos 1957.

Stadium Merdeka menjadi saksi kelahiran sebuah negara bebas yang dicapai tanpa pertumpahan darah. Inilah detik yang tidak

mungkin dilupa. Negara bebas daripada cengkaman penjajah British menjadi negara berdaulat. Terima kasih kepada pejuang dan pemimpin terdahulu yang bekerja keras menjadikan impian merdeka satu kenyataan.

Di stadium bersejarah ini juga satu lagi detik bersejarah dicatat iaitu perisytiharan penubuhan Malaysia pada 16 September 1963. Malaya, Sabah, Sarawak dan Singapura bersatu dalam Malaysia. Namun Singapura menarik diri pada 1965.

Justeru, Stadium Merdeka sangat tinggi nilainya dan wajar dipelihara pada keadaan asal sebagai warisan sejarah asli. Usaha PNB Ventures memulihara dan menambah baik stadium sangat dihargai. Kerana nilai sejarah, stadium yang berusia 67 tahun itu terus berdiri kukuh.

Yang pasti ia tidak akan diusik kerana stadium berkenaan telah digazet sebagai warisan kebangsaan pada 17 Oktober 2005. Status ini menjamin stadium berkenaan tetap terpelihara sebagai warisan sejarah bagi tatapan generasi akan datang.

Sepanjang usianya, Stadium Merdeka menjadi *venue* pelbagai acara penting, seperti sambutan ulang tahun kemerdekaan, pertandingan membaca Al-Quran (sekarang dikenali musabqah) peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta acara sukan seperti bola sepak dan hoki.

## Lorong belakang rumah dihalang

**KATA** orang jangan padang belakang, takut ada yang mengekor! Tetapi penting juga memandang belakang. Kerana itu di setiap taman perumahan ada lorong belakang atau *back alley*, memisahkan bahagian belakang deretan rumah berlainan.

Syarat pembinaan yang memerlukan ada lorong belakang ini bukan semata-mata untuk memisahkan rumah, tetapi ia merupakan laluan penting jika berlaku kecemasan. Misalnya jika berlaku kebakaran, senang tugas bomba memadam api.

Selain itu bagi memudahkan kerja-kerja pembersihan seperti memotong rumput atau membawa keluar sampah sarap yang berlonggok di belakang rumah. Lorong ini memudahkan pekerja pembersihan menjalankan tugas.

Namun daripada pemerhatian kawan-kawan Kedai Kopi, di banyak kawasan perumahan, ramai penghuni menyalah guna lorong belakang. Lorong yang sepatutnya kosong dihalang sehingga sukar dilalui. Pelbagai objek diletak, termasuk bahan-bahan buangan besi dan

kayu.

Ada pula yang rajin bercucuk tanam di belakang rumah, baik dalam pasu atau tanah lapang. Yang menanam dalam pasu meletakkan pasu sesuka hati. Yang di atas tanah pokok membesar menghalang jalan pun tidak peduli.

Kawan-kawan Kedai Kopi perhatikan, ada pokok yang ditanam rendang dibiarkan membesar sehingga menjadi seperti kawasan belukar. Jika begini memang susah hendak lalu. Malah dikhuatiri mendatangkan risiko lain, misalnya kehadiran binatang berbisa.

Diharap mereka yang berperangai suka menghalang laluan belakang ubahlah sikap. Fahami fungsi sebenar lorong belakang. Ia demi kebaikan penduduk sendiri. Belum terkena mungkin menganggap tidak apa. Sudah terkena baharu menyesal.

Kepada pihak berkuasa, khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), buatlah pemantauan dan bertindak terhadap penghuni yang degil. Jika itu sahaja cara membolehkan mereka sedar, lakukan sahaja.

# Apabila hidup ditentukan teknologi



KU SEMAN KU HUSSAIN

**K**INI sudah agak banyak restoran di Kuala Lumpur dan sekitar Lembah Klang yang menggunakan sistem kod bar untuk memesan makanan. Masuk ke restoran ambil telefon pintar dan imbas pada kod bar di atas meja.

Kemudian makanan yang dipesan pun dihantar, ada sesetengah tempat pula dihantar oleh robot. Bayaran dibuat secara dalam talian dan langsung tidak berurusan dengan manusia. Malah menjadikan kita sudah jarang memegang duit kertas atau syiling.

Dompit pula hanya untuk menyimpan bermacam-macam kad termasuk kad bank dan Touch 'n Go untuk membayar tol. Kad itu penting untuk hidup pada zaman yang teknologi menjadi pencorak hidup kita.

Kalau dulu banyak yang menyediakan wang syiling untuk membayar tempat letak kereta. Tetapi sekarang semua aplikasi yang diletak dalam telefon pintar termasuk kod QR untuk membuat bayaran semasa sarapan atau makan tengah hari.

Secara peribadi saya agak rimas dengan sistem kod bar di restoran. Mulalah terkial-kial dan menjadi lebih tertekan apabila liputan Internet perlahan walaupun di tengah-tengah Kuala Lumpur. Bagaimanapun disebabkan tidak ada cara lain terpaksa menggunakan kod bar.

Kadang-kadang tertanya-tanya juga besar sangatkah belanja untuk menggaji pelayan mengambil pesanan? Rasanya tidaklah terlalu besar hingga merimaskan golongan yang 'alah' dalam gelembung teknologi yang pantas berkembang itu.

Memang benar sesetengah restoran menyediakan pelayan



**BERKOMUNIKASI dengan mesin yang digerakkan oleh teknologi tidak sama dengan manusia.**

untuk membantu pengunjung yang tidak memesan dengan kod bar. Akan tetapi bayangan fenomena yang berlaku pada masa depan adalah ke arah sistem kod bar sepenuhnya.

Banyak kali juga saya melihat pengunjung seperti saya yang tidak biasa dengan sistem ini. Mereka teraba-raba dan tertinjau mencari pelayan untuk meminta bantuan. Nampaknya pada zaman ini ada duit pun bukan mudah untuk mendapat makan kalau tidak mesra dengan teknologi.

Saya adalah generasi boomers kedua yang lahir antara tahun 1946 hingga 1964. Sebahagian dalam kalangan boomers itu

celik teknologi, tetapi merasa remeh untuk melayan tuntutan teknologi yang dibangunkan untuk mengambil pesanan.

## TUNTUTAN ZAMAN

BAGAIMANAPUN segala sistem atau teknologi itu tidak mendatangkan masalah kepada generasi milenial atau disebut generasi Z. Ini adalah zaman mereka dan boomers seperti saya dan lain-lain hanya menumpang sahaja.

Mereka hidup pada zaman teknologi digital. Celik mata terus nampak segala macam teknologi yang tidak ada ketika saya berada dalam generasi Z dulu.

Mereka lahir dan membesar pada zaman yang banyak bergantung pada teknologi. Maka tidak hairanlah golongan itu seolah-olah hilang punca apabila kabel dasar laut yang menyalurkan Internet mengalami kerosakan beberapa tahun lalu.

Berbeza dengan saya dan boomers lainnya, sekalipun kami juga pengguna teknologi, akan tetapi pernah menjalani hidup secara manual pada dekad 1960-an hingga awal 1980-an. Dekad-dekad yang tidak bergantung pada teknologi terutamanya Internet.

Biarpun kehidupan hari ini banyak dicorakkan oleh keperluan dan gaya hidup generasi milenial yang bergantung pada alat

teknologi, dalam banyak keadaan saya boleh menyesuaikan diri sekalipun agak merimaskan. Misalnya terpaksa melayan pemilik restoran yang pantas dirasuk oleh teknologi.

Malah banyak juga restoran menyediakan robot penghantar makanan yang hanya tahu mengucapkan 'thank you.' Robot itu belum boleh berbahasa Melayu, seperti juga sesetengah dalam kalangan kita yang tidak boleh bertutur bahasa Melayu dengan baik.

Terdapat sesetengah dalam kalangan boomers tidak suka dengan cara operasi restoran seperti itu. Saya memahami keadaannya, mereka bukan menolak teknologi malah lebih faham tentang keperluannya untuk perkara tertentu.

Berkomunikasi dengan mesin yang digerakkan oleh teknologi tidak sama dengan manusia. Memang boleh meminta itu dan ini, bertanya itu dan ini, tetapi dalam banyak keadaan jawapan yang diprogramkan tidak menjawab semua pertanyaan pelanggan.

Maka berlakulah 'yang dipesan lain dan yang dapat pula lain.' Itu bukan suatu yang luar biasa di restoran berteknologi tinggi itu. Akhirnya manusia juga yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah yang timbul.

Tetapi itulah cara hidup generasi milenial yang sebahagian besar

tidak ada pengalaman hidup secara manual. Restoran pun terpaksa mengikut gaya hidup yang dilabelkan sebagai moden dan selari dengan tuntutan zaman. Sekalipun begitu tidak semua yang selari dengan zaman membawa kemudahan dan kesejahteraan yang sebenarnya.

Daripada penelitian dan pemerhatian, sebenarnya banyak restoran tidak ada keperluan yang mendesak terhadap sistem kod bar untuk mengambil pesanan makanan. Tetapi dalam kalangan pemilik restoran pun ada juga sifat berlumba dengan yang lain. Maka sistem yang digunakan itu pun lebih pada perhiasan berbanding keperluan.

## EKOSISTEM

HAKIKATNYA teknologi bukan perhiasan atau menunjukkan yang sesuatu premis atau perkhidmatan itu sudah moden. Teknologi digunakan kerana keperluan untuk mengurangkan belanja menggunakan tenaga manusia. Dalam pada itu, pemilik restoran juga perlu menyumbang kepada masyarakat, misalnya mengurangkan kadar pengangguran.

Kalau hal itu diambil sebagai utama, maka dalam keperluan terhadap teknologi yang masih kurang mendesak itu, tentu lebih baik menggunakan manusia untuk mengambil pesanan. Pada masa depan mungkin keadaan itu berubah, tetapi ketika ini tenaga manusia masih diperlukan di restoran.

Sistem kod bar itu juga bergantung pada ekosistem seperti kelajuan dan liputan Internet yang luas. Hakikatnya sekalipun sudah ada teknologi 5G, masih banyak kawasan di tengah-tengah Kuala Lumpur setakat 4G, itu pun masih sempit. Keadaan begitu tidak menyumbang pada kelancaran sistem yang menggunakan Internet.

Sekalipun agak rimas dengan sistem kod bar di restoran, tetapi bukan bermakna saya menolak kemajuan dan teknologi yang bertujuan membawa kebaikan pada kehidupan. Dalam masa yang saya gembira kerana masih berpeluang meneruskan 'kehidupan boomers' seperti sebelum dilanda teknologi.

Misalnya saya masih bebas membaca buku bercetak, membeli buku bercetak di kedai buku dan membaca surat khabar bercetak sekalipun mudah diakses di telefon pintar. Saya juga memilih mencatatkan nota dalam buku 555, dan bukan atas skrin iPad yang mudah dibawa ke mana-mana.

Selain itu terus menggunakan pen dakwat cair (*fountain pen*) yang sesekali dakwatnya terkena pada jari. Itu menunjukkan tidak cukup berhati-hati menggunakan perkakas menulis yang berseni itu. Memang nampak agak ketinggalan zaman dan remeh, tetapi itulah pilihan saya sebagai 'boomers klasik' yang berpada-pada bergantung pada teknologi.

Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya. Te: 03-8861 5260 E-mail: [editorialwilayahku@gmail.com](mailto:editorialwilayahku@gmail.com)**

## RAGAM KOTA

F#minor

PABILA JARUM JAM TUA ITU  
MULA BERHIMPUN, SORAK-  
SORAI BERGEMPITA...

SANG GAGAK TERJAGA...

ANEKA PERCIKAN BUNGA API  
DILANGIT MALAM  
KOTA ITU  
MENYAJIKAN  
IRAMA TANPA  
NOTA MUZIKNYA

DAN SEGUDANG  
AZAM MULA DIPATERI...

MELANGKAH PULANG DENGAN  
SEMANGAT BARU Sambil  
MENGULANGI PERANGAI LAMA...

GAGAK PUN GEMBIRA KERNA  
ESOK REZEKINYA TERSEDIA...



# WK2

Bil 246 .19-25 JANUARI 2024

MEDIA WARGA KOTA  
**WILAYAHKU**

## Permata hutan di Asia Tenggara



TAKLIMAT ringkas mengenai sejarah, budaya dan adat akan diberikan kepada para peserta sebelum memulakan perjalanan ke kampung orang asli.

# Adat jadi amalan rentas kemodenan

DIANA AMIR  
Foto: SYUQQREE DAIN  
Video: HASIF HALIMI

**M**ALAYSIA kaya dengan budaya dan adat resam yang berbeza antara satu sama lain tidak ketinggalan juga masyarakat Orang Asli yang menghuni di seluruh negara kecuali Perlis dan Pulau Pinang.

Golongan ini merupakan satu entiti masyarakat Malaysia yang boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu Melayu Proto, Senoi dan Negrito serta terdapat enam suku Orang Asli bagi setiap kumpulan utama berkenaan.

Salah satu suku yang paling ramai di negara ini adalah kaum Semai yang merupakan kumpulan penduduk separuh kekal yang terdapat di tengah Semenanjung Malaysia di Asia Tenggara dan sehingga Jun 2022 terdapat seramai 61,336 orang suku Semai yang tinggal di

Semenanjung Malaysia.

Dipercayai bahawa suku Semai adalah salah satu legasi penduduk kuno asal, yang tersebar luas di Asia Tenggara.

Menurut Pengasas Bersama Jungle School Gombak Malaysia, **Mejar Kalam Pie TUDM (Bersara)**, suku kaum Semai tinggal bertaburan di kawasan Banjaran Titiwangsa meliputi Perak Tengah, Perak Selatan dan Pahang Barat.

"Mereka hidup bermasyarakat di mana kebiasaannya sebuah kampung terdapat di antara 60 hingga 300 penduduk yang diketuai oleh seorang penghulu atau batin yang dilantik dari golongan berpengaruh seperti pawang, bomoh dan ketua adat.

"Suatu ketika dahulu, suku Semai hidup secara nomad, berpindah-randah dari satu tempat ke tempat lain di dalam hutan kerana mencari tempat baru untuk berladang ataupun atas sebab-sebab kematian, diganggu oleh orang luar, binatang buas dan wabak penyakit hawar," katanya.

Berkongsi mengenai taraf ekonomi bagi kaum Semai, Kalam berkata mereka mengamalkan ekonomi tradisional berasaskan pertanian sara diri.

"Padi huma, sekoi, jagung, ubi kayu, pisang, keladi dan berbagai jenis sayur-sayuran seperti labu, kacang panjang, timun, kacang bendi adalah hasil tanaman mereka. Mereka mengamalkan sistem bertukar-tukar makanan, perkhidmatan dan keperluan lain secara berkongsi di mana tidak ada urusan jual beli dilakukan," ujarnya sistem ekonomi cara ini dapat mengeratkan lagi silaturahim dan semangat setia kawan di samping mewujudkan kemesraan dalam kalangan mereka.

Tambahnya, memburu dan menangkap ikan juga merupakan sebahagian daripada aktiviti yang dilakukan kaum ini dan kebiasaannya dilakukan oleh lelaki sahaja.

"Peralatan memburu seperti buluh sumpit, jerat, belatik dan perangkap mudah diperolehi di

hutan. Antara jenis-jenis binatang yang diburu ialah monyet, kera, babi hutan, burung, biawak, tupai dan binatang kecil yang lain.

"Ikan adalah sumber utama protein dan ditangkap dengan menggunakan lukah, kail, racun akar tuba, serampang, jaring, tuar dan juga dengan tangan," jelasnya.

Kalam berkata masih terdapat beberapa adat dan tradisi suku Semai yang masih diamalkan sehingga hari ini meskipun diledak dengan arus kemodenan antaranya menganyam tempok yang sering menjadi perhiasan bagi kaum wanita selain memasak di dalam buluh serta menyumpit.

"Justeru itu, menerusi program di bawah Jungle School Gombak Malaysia kita akan beri peluang kepada peserta untuk turut merasai melakukan ketiga-tiga aktiviti tersebut supaya mereka mempelajari mengenai adat dan tradisi orang asal ini.

"Orang Asli juga akan menjual hasil kraf untuk menjana pendapatan. Walau bagaimanapun

keadaan ini mungkin telah berubah mengikut peredaran masa di mana kini ramai kaum Semai yang bekerja dengan kerajaan, swasta dan berniaga seperti di kedai runcit dan kraf tangan.

Bercakap soal perubatan pula, Kalam berkata daripada segi perubatan, masyarakat Semai mengamalkan cara berubat sendiri apabila seseorang daripada mereka sakit sama ada menggunakan akar dan daun-daun kayu atau bomoh.

"Jenis-jenis herba yang digunakan adalah berdasarkan jenis penyakit yang dihadapi antaranya slak selendon dan slak mandi alam yang dihancurkan atau ditumbuk kemudian diletakkan di tempat yang luka dan dibalut," katanya.

Selain suku Semai pelbagai lagi suku lain yang hidup aman damai dalam kelompok masing-masing antaranya Mendriq, Lanoh, Kensiu, Bateq, Kintaq, Orang Kanaq, Orang Seletar, Temuan, Semelai, Orang Laut, Jahai, Jakun, Jah Hut, Temiar, Mah Meri, Che Wong dan Semoq Beri. **WK**



# Bantu perkasa ekonomi

**KEHIDUPAN** masyarakat Orang Asli di Malaysia unik untuk diterokai dan diketengahkan buat tatapan dan pengalaman pelancong lagi-lagi apabila keadaan ini mengkehendaki mereka pergi sendiri ke perkampungan Orang Asli yang kebiasaannya terletak dalam hutan, berpuluh-puluh kilometer jauh ke pedalaman.

Menurut Pengasas Bersama Jungle School Gombak Malaysia, Mejar Kalam Pie TUDM (Bersara), sesetengah kawasan dihuni Orang Asli sangat sesuai dijadikan kawasan tarikan pelancongan, ditambah keunikan kehidupan masyarakat.

"Seperti di kawasan Gombak ini banyak perkampungan Orang Asli Temuan, namun di Kampung Batu 12 terdapat 10 suku yang berlainan meskipun dihuni oleh kumpulan keluarga yang kecil.

"Apabila suku kaum lain ada maksudnya masih ada adat, budaya dan tradisi mereka yang boleh dikongsikan bersama orang luar. Dengan cara ini juga membuatkan orang ramai mempelajarinya dan ia tidak terus mati ditelan arus kemodenan," katanya selepas Program 1 Hari Bersama Jungle School Gombak Malaysia pada Ahad.

Kalam berkata antara objektif utama penubuhan Jungle School Gombak Malaysia yang telah diasaskan oleh Pembantu Profesor Dr Norzalifa Zainal Abidin, seorang pensyarah di UIAM adalah bertujuan untuk mengetengahkan adat, kraf tangan, sumber makanan dan apa yang dimiliki oleh Orang Asli kepada dunia luar.

"Saya hanya menjadi orang tengah dalam memastikan golongan seperti kami ini tidak terus tercicir daripada ekonomi semasa dan dapat berkembang lagi. Ia sekali



TEMPOK daun salak antara kraf tangan orang asli.

gus membantu menjana ekonomi negara kerana dapat menarik ramai pelancong luar untuk mengenali dan mempelajari tentang sejarah dan dalam masa sama ia menjadi salah satu sumber pendapatan mereka.

"Kalau kita lihat ada yang pandai bercucuk tanam, memancing, menganyam dan sebagainya namun mereka tidak tahu bagaimana mahu menarik orang luar untuk membeli atau datang ke kawasan mereka, jadi dengan bantuan saya sebagai orang tengah peserta-peserta Jungle School Gombak akan dibawa ke kawasan-kawasan tersebut," ujarnya yang juga mempunyai kakukan Orang Asli Semelai.

Dalam pada itu, Kalam turut berharap program anjuran Jungle School ini mendapat pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) untuk memperkasakan lagi usaha dalam memelihara dan memulihara warisan, adat, tradisi dan budaya.

"Meskipun setiap suku kaum itu mempunyai cara tersendiri namun perlu diingatkan bahawa perbezaan itu bukan untuk perbalahan namun ia adalah definisi melengkapi satu sama lain," katanya yang mengingatkan anak Orang Asli untuk tidak terus hilang identiti meskipun mengikuti arus kemodenan. **WK**

## Jungle School Gombak pusat ilmu orang asal

**ORANG** Asli atau orang asal di Malaysia bukanlah kaum minoriti yang bersifat homogen malah mereka merupakan kaum heterogen yang terdapat perbezaan unik dari segi sosiobudaya dan psiko-sosiokognitif bagi setiap kaum.

Pengenalan dan pendedahan umum kepada masyarakat tentang warisan budaya, adat resam dan kesenian Orang Asli wajar dikekalkan dan dipelihara agar tidak ditelan zaman meskipun negara telah melangkah arus kemodenan.

Kewujudan Muzium Orang Asli yang ditubuhkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jako) menerusi ketua pengarahnya yang ke-4 pada tahun 1987 telah banyak membantu Jungle School Gombak Malaysia bagi memelihara dan menguar-uarkan khazanah warisan budaya Orang Asli kepada orang ramai.

Tenaga pengajar Jungle School Gombak Malaysia, **Mohd Dayan Kalam**, 27, berkata kewujudan sekolah tersebut adalah usaha untuk membantu dan membangunkan bangsa Orang Asli di sekeliling Malaysia supaya mereka boleh menjaga, mengamal dan mendemonstrasikan gaya hidup kepada seluruh dunia.

Katanya, antara aktiviti dan program yang ditawarkan adalah kemahiran hidup Orang Asli (Orang Asli Semenanjung Malaysia), mempelajari penggunaan flora dan fauna, kemahiran asas mencari makanan dan cara tradisional pembuatan pondok.

"Ia juga merangkumi aktiviti seperti perkhemahan, kesedaran tentang kelestarian hutan hujan, undang-undang hutan, menyediakan makanan seperti gaya Orang Asli dan program penanaman pokok.

"Lima peringkat kursus *survival* turut ditawarkan untuk orang ramai, sejak awal tahun 2014.

"Selain itu, kita juga menawarkan *muzium guide and story telling*, *jungle trekking* sambil mengenali flora dan fauna, makanan, menganyam bersama orang asli, menyempit dan banyak lagi.

"Kita juga mempunyai aktiviti *camping and fire-starting lesson* di mana kebiasaannya diadakan di Pahang dan Johor selama 3 hari 2 malam," ujarnya sekolah hutan membantu memperkasakan Orang Asli di Gombak untuk berkongsi pengetahuan budaya dan kepakaran mereka.

Tambahnya lagi orang ramai yang berminat boleh layari laman sesawang Jungle School Gombak atau media sosial kami, Facebook @Jungle School Gombak Malaysia atau hubungi di talian 019-382 2591. **WK**



KUMPULAN pelajar dari Universiti Malaya yang mengikuti program bersama orang asli.



MUZIUM Orang Asli bertujuan memelihara warisan adat budaya dan kesenian golongan tersebut.



ANTARA spesies burung yang berada di KL Bird Park.

# Taman tropika pencinta alam



PELANCONG teruja melihat burung flamingo dari dekat.

SHUAIB AYOB

**B**AGI penggemar burung tentunya tidak asing lagi dengan KL Bird Park yang merupakan taman burung terbesar di Asia Tenggara dengan keluasan 20.9 ekar yang terletak berhampiran Tasik Perdana.

Diuruskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), lokasi yang dibuka 33 tahun lalu ini menempatkan 3,000 ekor burung daripada 200 jenis spesies burung tempatan dan negara luar seperti Australia, New Guinea, Thailand, Indonesia, Tanzania, China dan Belanda.

Antaranya enggang, bangau, kuang, langling flamingo dan banyak lagi di mana ia dibahagikan kepada empat zon utama untuk memberi kepuasan kepada pengunjung melihat gelagat burung.

Lensa *Wilayahku* minggu ini sempat memotret gambar taman tropika khas ini untuk tatapan pencinta alam. **WK**





ORANG ramai teruja melihat hidupan akuatik.



SEORANG petugas KL Bird Park memberi makan kepada semua burung yang ada.



PELANCONG luar negara tidak melepaskan peluang bergambar bersama burung kakak tua.



**SL597 Taman Perindustrian  
BRP 8/Daikin, Bukit Rahman  
Putra, 47000 Sungai Buloh,  
Selangor.**

@muammarmahadzir

011-3729 9281

ROTI Prens Premium menerima sambutan menggalakkan selepas videonya tular di TikTok baru-baru ini.

# Hotteok cita rasa Malaysia

DIANA AMIR

**B**UDAYA Korea yang popular di Malaysia bukan hanya fenomena sementara kerana pengaruhnya dilihat begitu besar dalam kalangan masyarakat tempatan malah selera pemakanan juga turut menjadi ikutan.

Jadi, tidak hairanlah ramai yang jatuh cinta dengan hidangan dari negara empat musim ini seperti kimchi jigae, dakgalbi dan banyak lagi. Menyedari hal itu, **Mu'ammam Mahadzir**, 28, tampil dengan perniagaan Roti Prens Premium yang diilhamkan daripada Korea Street Food.

Menurut Mu'ammam dia mula menceburi bidang perniagaan sejak tahun 2019 dengan menjual bakso sebelum beralih kepada roti prens yang kelihatan seperti hotteok iaitu penkek di Korea bermula 2 Disember lalu.

"Idea asal adalah daripada isteri saya, kalau sebut penkek pastinya ramai yang tahu ia adalah makanan yang manis tetapi kita olahkan menjadikannya roti savouri versi selera orang Malaysia yang disertakan dengan sos homemade.

"Terdapat dua pilihan sos homemade iaitu spicy atau black pepper dan intinya adalah daging atau ayam," ujarnya resipi diolah sendiri dengan pengalaman untuk menghasilkan inti dan rasa yang terbaik.

Tambahnya, keunikan roti prens yang berharga RM7 (daging), RM6 (ayam) dan RM6 (keju) adalah pada cara memasaknya di mana ia perlu ditekan sehingga leper untuk memastikan inti daging dan ayam yang telah diperap itu masak.

Berkongsi tentang cabaran



HOTTEOK perlu dileperkan bagi memastikan ia masak sepenuhnya.

utama sepanjang perniagaan yang dijalankan di Sungai Buloh itu, Mu'ammam berkata dia pernah mengalami situasi orang awam membuat aduan tentang kesesakan jalan raya apabila pelanggan datang menyerbu gerainya.

"Sejak tular di media sosial orang ramai tidak putus datang dan memandangkan saya berniaga tepi jalan berhadapan kawasan kilang menyebabkan kesesakan lalu lintas terutama pada hari bekerja.

"Justeru itu, kita tampil dengan

waktu perniagaan yang baharu iaitu 7 petang sehingga habis bagi hari bekerja manakala pada hujung minggu bermula 3 petang," katanya yang mempunyai enam pekerja termasuk seorang di central kitchen.

Dalam masa yang sama, dia turut mempunyai perancangan untuk mempelbagaikan menu sekali gus membuka francais bagi memudahkan pelanggan jauh untuk menikmati Roti Prens Premium. WK

## Menu RM3 jadi rebutan

**DALAM** kemelut kenaikan harga barangan mentah, peniaga merupakan antara golongan yang merasa terbeban apabila terpaksa menaikkan harga makanan yang dijual.

Namun berbeza dengan pemilik Menu 3 Ringgit KL, **Shahirah**, 31, yang tampil dengan menjual kira-kira 12 jenis menu makanan ready to eat dengan harga serendah RM3.

Menjalankan perniagaan menu terlahak murah, dia berkata permulaannya dalam dunia perniagaan ini adalah dengan menjual crepe yang pernah menjadi fenomena satu ketika dahulu.

"Saya mula menjual crepe pada 2019 untuk rakan-rakan di pejabat dan mula serius dalam bidang perniagaan makanan ini selepas menjadi suri rumah sepenuh masa pada tahun 2022.

"Timbulnya idea ini selepas munculnya lambakan penjual crepe membuatkan perniagaan saya sedikit perlahan. Tambahan pula sebelum ini pelanggan yang datang bertanya tentang menu ready to eat membuatkan saya mahu mencuba sesuatu yang baru pula," katanya harga makanan dijual murah bagi memberi peluang kepada pelanggan menikmati pelbagai menu masakan.

Menu 3 Ringgit KL menawarkan pelbagai menu seperti masakan barat, pasta serta pencuci mulut antaranya ramen, pasta, tahu bergebel, wanku sandwic, Jelly Ball dan banyak lagi.

"Top seller menu kami adalah Vietnam Roll, spaghetti carbonara dan Korean Spicy Chicken. Walau bagaimanapun menu kami akan berubah setiap minggu untuk memberi kelainan kepada pelanggan," ujarnya setiap menu tersebut dimasak sendiri olehnya dengan bantuan suami dan kakak ipar.

Tambahnya, dia berusaha sedaya upaya dalam memenuhi setiap kehendak pelanggan bagi memastikan perniagaan ini sentiasa diterima ramai.

"Saya juga mengharapkan agar orang ramai akan terus menyokong peniaga lokal dan kecil seperti kami ini. Buat masa ini kami hanya buka di tepi jalan sahaja dan keinginan untuk membuka sebuah kedai semestinya ada namun ia masih dalam perancangan," katanya yang bakal berpindah ke rumah teres bagi memudahkan proses bekalan barangan dan memasak. WK

**Berhampiran SMK Sains  
Selangor**

**Jumaat: 1 petang  
Sabtu dan Ahad: 2.30 petang**

011-2106 6569



**ISU**

**BESAR**

*Bakal Tiba.....*



# Usahawan alaf baharu perlu lebih pantas

AINI MAWAWI

**P**EREDARAN arus masa menyaksikan media sosial memiliki pengaruh yang sangat besar dalam masyarakat hari ini. Bukan sahaja dari segi kehidupan setiap hari bahkan ia turut membawa perubahan dalam bidang perniagaan.

Bagi usahawan masa kini, pemasaran digital merupakan strategi yang perlu diambil berat untuk memastikan lebih ramai mereka di luar sana mengenali jenama yang dikeluarkan selain sadar kewujudannya di alam maya.

Berpandangan sama, penyanyi yang kini merupakan usahawan digital, Mohammad Khairul Nizam Mohammad Wahi atau **Khai** mengakui evolusi dalam bidang pemasaran digital sangat pantas dan usahawan perlu sentiasa mengikuti dunia semasa.

"Sebagai contoh, legasi KR Successful Sdn Bhd yang dibangunkan saya dan isteri, Rosma pada tahun 2014 fokus pemasaran kami adalah di laman sosial Instagram sahaja secara percuma tetapi selepas itu beralih ke platform lain sehinggalah sekarang



**KHAI dan Rosma fokus dalam bidang pemasaran digital.**

makin banyak persaingan baharu seperti *Shopee* dan terkini *TikTok*.

"Jadi, kita perlu sentiasa arif dengan perubahan supaya tidak jauh ketinggalan. Pendek kata kena ada ilmu atau seseorang seperti mentor atau rajin mengikuti kelas untuk mendalami ilmu-ilmu pemasaran yang dapat memberi input berguna.

"Dalam masa yang sama, zaman sekarang ini, kita kena akui tak semestinya orang muda yang tiada pengalaman dalam perniagaan tidak bagus, kerana ini zaman mereka dan semestinya golongan ini lebih tahu ilmu pemasaran digital," ujarnya.

Tambah pemilik produk MS SenaRos dan Inai Al Attas ini

lagi, perjalanan dalam bidang perniagaan bukanlah semudah yang disangkakan biarpun dia mempunyai tiket sebagai seorang selebriti.

"Kalau kita dikenali sekalipun tetapi ia perlu diiringi pergerakan dan tindakan juga sebab kalau sekadar ada nama tapi tak ada pemasaran sukar untuk menjual produk. Sebagai selebriti misalnya, saya sendiri berhadapan dengan tanggapan masyarakat yang mengenali diri ini sebagai penghibur bukan penjual barang.

"Untuk menukar persepsi orang ramai itu memerlukan komitmen yang tinggi disebabkan itulah pada permulaan perniagaan ini, saya dan isteri sentiasa turun padang dan kami bermula daripada bawah. Tiada jalan mudah untuk berada di tahap seperti sekarang.

"10 tahun lalu kami berniaga dari rumah, bergelar duta untuk beberapa produk dan daripada situ saya terfikir suatu hari nanti akan bersara dan perlunya perancangan yang lebih kukuh untuk hari tua," ujarnya mereka yang mengikuti perjalanan bisnesnya daripada awal tahu suka duka yang dilaluinya.

Bercerita lanjut tentang produk

produk minuman kesihatan dan detoks MS SenaRos dan Inai Al Attas, kedua-duanya mempunyai pengikut yang tersendiri sehingga berjaya mendapat pengiktirafan anugerah Asia Pasific Top Excellence Brand sejak tahun 2018 hingga 2022.

Menyentuh tentang strategi perniagaan pada tahun ini, bagi untuk mengukuhkan lagi bidang pemasaran digital, dia bakal melantik beberapa wajah untuk menjadi pengacara *live* di platform media sosial produknya sekali gus turut menguatkan jenama.

"Sekarang ini musim *live* di media sosial, jadi kita perlu bersaing. Kalau sebelum ini hanya saya dan Rosma ke hadapan untuk mempromosikan produk sendiri tanpa ada perantaraan mempengaruhi media sosial dan sebagainya jadi tahun ini saya ada perancangan ke arah itu.

"Namun untuk menjual produk MS SenaRos misalnya mereka perlu ada ilmu tentang produk penjagaan badan, mesti pernah minum jadi lebih meyakinkan pembeli," ujarnya produk Inai Al Attas telah memasuki pasaraya KK Mart seluruh Lembah Klang. **WK**



**MEGAT (berdiri tiga dari kiri) berkongsi pengalaman bersama usahawan.**

## Raih semula modal awal RM100,000

**MEMEGANG** kepada peribahasa 'Hati hendak, semua jadi', Megat Azim Jamil, 42, berjaya membuktikan bahawa kejayaan itu bukan mustahil untuk digenggam jika seseorang itu bertekad dan berusaha gigih.

Bermula dengan menjual susu segar pada tahun 2012 yang diperolehi daripada seekor lembu tenusu, beliau kini mempunyai lebih 20 ekor lembu baka Australian Jersey Friesian yang dibela di ladang seluas kira-kira 1.2 hektar di Semenyih, Selangor.

"Jika diimbau kembali, saya sendiri tidak sangka akan berjaya hingga ke tahap ini. Dengan berbekalkan modal awal RM7,000 untuk membeli Jasmin, iaitu lembu pertama saya, saya mula berniaga susu segar berperisa dalam botol dengan bantuan pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor (DVS) di sekitar Selangor.

"Dari perniagaan susu segar inilah juga saya mula nampak sebenarnya orang ramai juga cukup meminati produk aiskrim daripada lembu tenusu. Jadi saya lihat adanya potensi besar dan akhirnya saya bertekad untuk menubuhkan MUULK Holdings Sdn Bhd dan MUULK Artisan Dairy dan saya pemilik tunggal.

"MUULK itu adalah singkatan daripada MUU (bunyi lembu) dan MILK," katanya kepada *Bernama* ketika ditemu bual baru-baru ini dan menambah pada mulanya beliau ingin mendaftar nama MOOLK, namun nama itu sudah didaftarkan terlebih dahulu di Australia.

Beliau yang mempunyai ijazah dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dari Universiti Petronas Malaysia mula berjinak-jinak dalam bidang perniagaan semasa di universiti lagi iaitu mendapat kontrak kecil

antaranya membuat reka bentuk serta pemasangan rangkaian Wi-Fi di beberapa cawangan UiTM.

"Habis universiti saya tubuh dan daftar perniagaan. Keluarga saya menghalang kerana tiada siapa dalam keluarga yang terlibat dalam bidang itu. Semua bekerja swasta dan kerajaan. Saya perhatikan orang yang berniaga banyak boleh membuat perubahan pada komuniti sekeliling. Itu yang menjadi dorongan saya," kata anak kelahiran Kuala Lumpur ini yang kini. Beliau kini mempunyai lima orang pekerja tempatan bagi membantu perniagaannya.

Mengenai penghasilan aiskrim MUULK, Megat Azim berkata aiskrim artisan premium itu mula dipasarkan oleh MUULK Artisan Dairy pada tahun 2019 dan menurut beliau, ia semakin mendapat perhatian ramai - **BERNAMA**

## Lebar pasaran ke Borneo

**MENYEDARI** peri pentingnya mengekalkan kesihatan, Figura International mengambil langkah memperkenalkan produk minuman berasaskan susu kambing iaitu Figura Goats Milk.

Uniknya minuman kesihatan ini merupakan satu-satunya susu kambing di dunia yang menggunakan herba hempedu bumi atau nama saintifiknya *Andrographis paniculata* yang telah lama digunakan dalam penjagaan kesihatan oleh masyarakat turun-temurun.

Dikatakan berasal dari Asia Selatan dan India, masyarakat Murut menggunakan rebusan daun ini sebagai minuman untuk meredakan tekanan darah tinggi dan kencing manis.

Menurut Pegawai Eksekutif Figura International, **Mohd Hafiz Mohd Khalid**, produk tersebut adalah hasil kajian tiga orang pakar penyelidik iaitu Profesor Emiratus Abdul Latif Mohamad, Profesor Dr Wan Aida Wan Mustapha dan Profesor Dr Noor Hashim Ismail.

"Alhamdulillah saya bersyukur dapat bekerjasama dengan tiga orang nama besar ini. Abdul Latiff adalah pakar botani terkenal dunia di mana beliau pernah membuat kajian terhadap herba Tongkat Ali sehingga menjadi terkenal ke seluruh dunia.

"Hempedu bumi adalah herba yang mempunyai nilai perubatan tinggi itu. Idea untuk membuat produk ini muncul ketika pandemik COVID-19 di mana ketika itu kita dapat lihat masyarakat begitu mementingkan penjagaan kesihatan.

"Sejak dilancarkan lebih setahun yang lalu, sambutan yang kami terima sangat menggalakkan dari segenap lapisan umur bukan sahaja di bandar malah pasaran juga meliputi kawasan luar bandar," ujar beliau yang sudah pun melebarkan sayap ke pasaran Borneo bermula tahun ini. **WK**



# Mencorak destinasi di tahun baharu

SEtiap kali tibanya bulan Januari saban tahun, ruangan media sosial pasti akan dipenuhi dengan *posting* setiap daripada kita yang sibuk merumuskan azam tahun baharu masing-masing. Meskipun begitu, ada juga yang masih lagi sedang merenung, tertanya-tanya, mencari-cari apa azam yang ingin diwujudkan.

Persoalannya, adakah kita benar-benar faham apa makna di sebalik kata 'azam' tersebut? Azam atau juga boleh disebut sebagai resolusi yang merupakan gagasan perubahan yang positif untuk mencapai tujuan tertentu dalam hidup sepanjang tempoh setahun yang akan datang.

Lazimnya ia akan dinyatakan pada awal tahun sebagai bentuk komitmen dalam meningkatkan diri atau mencapai pencapaian tertentu. Penetapan azam adalah merupakan cara untuk seseorang individu tersebut memotivasi diri, merumuskan tujuan yang diidamkan dan memusatkan fokus pada peningkatan kendiri atau pencapaian sepanjang tempoh setahun.

Ia boleh mencakupi pelbagai bidang seperti pendidikan, kesihatan, kerjaya, hubungan interpersonal dan juga peningkatan kendiri ke arah yang lebih positif. Pada awal tahun baharu ini, ayuh kita sama-sama tetapkan azam dan matlamat dengan tekad yang tinggi untuk kita terus berjuang meraih impian kita.

Namun begitu, perlu juga diingatkan bahawa setiap azam yang ingin ditetapkan mestilah dibedah siasat dengan teliti terlebih dahulu. Adakah azam itu dapat dicapai dalam masa 365 hari? Sejauh mana nilai dan manfaat azam tersebut bagi diri kita? Adakah terdapat kemudaran untuk diri kita dalam proses mencapai azam tersebut? Dan yang tak kurang pentingnya, bagaimana strategi yang perlu kita gerakan agar azam tersebut tercapai dengan jayanya?



TETAPKAN azam dan matlamat baru dengan tekad yang tinggi. - Gambar hiasan

Dalam konteks ini, kaedah SAMIC3 tampaknya menjadi panduan yang sesuai untuk diguna pakai dalam menetapkan matlamat yang bersesuaian dengan kemampuan diri. SAMIC3 merangkumi prinsip-prinsip penting, iaitu sederhana (*simple*), dapat dicapai (*attainable*), dapat diukur dengan jelas (*measurable*), turut terlibat sama (*involved*), dapat dikawal (*control*), dapat memberi komitmen (*commit*) dan berterusan (*continuous*). Dengan mengaplikasikan kaedah ini, azam yang ditetapkan lebih realistik, terukur dan dapat dicapai dalam tempoh setahun tersebut.

Namun demikian, menjadi tanda tanya juga dimana perlukah untuk kita menetakannya setiap tahun? Adakalanya, kita tidak perlu mencipta azam yang baru tetapi sebaliknya kita perbaharui dan tambah baik semula azam yang lama supaya peningkatannya menjadi pilihan yang lebih bijak dalam hidup.

Jika tahun sebelumnya tujuan masih belum tercapai, maka

azam tahun ini akan menjadi momentum untuk kita menyusun semula strategi dan berusaha bersungguh-sungguh dalam mencapai matlamat tersebut.

Namun, dalam pada kita berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai apa yang telah ditetapkan, jangan pula kita lupa tentang kesejahteraan minda. Kesejahteraan minda merupakan aspek utama yang memainkan peranan penting dalam kecemerlangan kita mencapai azam tersebut di mana kesihatan minda yang baik membolehkan kita berfungsi dengan optimal dalam menempuhi cabaran dan dinamika lingkungan yang beraneka ragam.

Pasti ada yang tertanya-tanya mengapa minda yang sihat ini perlu dijaga untuk mencapai azam yang diinginkan? Minda atau pemikiran memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi emosi dan tingkah laku kita.

Menyadari hakikat ini, penting untuk kita mengekalkan pemikiran yang positif atau rasional terutamanya dalam persekitaran

yang toksik supaya kita sentiasa terhindar daripada melakukan perkara-perkara yang berbahaya dan di luar kewarasan dalam proses untuk mencapai azam yang ingin digenggam.

## BATU LONCATAN

TERDAPAT beberapa tips yang boleh membantu untuk membentuk minda yang sihat antaranya pilihlah kawan yang bersikap positif di mana kita boleh berkongsi nilai yang sama, saling memotivasi diri dan membimbing ke arah untuk mencapai azam tahun baru. Walaupun begitu, jangan pula kita tinggalkan kawan yang tidak memberi kesan positif kepada diri, tetapi sebaliknya bantulah mereka dengan mengajak mereka bersama-sama ke arah peningkatan diri yang lebih baik.

Selain itu, muhasabah atau refleksi diri. Ambil masa sejenak untuk kita merefleksikan diri, menilai tindakan kita dan berusaha untuk terus memperbaiki diri. Dengan cara ini, kita secara tidak langsung melatih diri untuk tidak mudah melatah sebaliknya akan lebih berfikir rasional dalam menghadapi cabaran dan rintangan yang mendatang sepanjang proses mencapai azam tersebut.

Tips seterusnya adalah *self-love* di mana kita bina aura positif dalam diri dengan menghindari perkara yang boleh merugikan diri kita, mengenal pasti kelebihan diri yang ada, melihat diri dari sudut pandang yang positif dan mengembangkan bakat serta potensi diri agar kita lebih menghargai diri kita.

Ini bukan sahaja memberikan dorongan moral, tetapi juga membantu kita berkembang sebagai individu yang lebih seimbang dan positif dalam menghadapi segala variasi kehidupan dan dapat mencapai matlamat kehidupan yang ditetapkan dengan jayanya.

Dalam mengejar matlamat yang diidamkan, tentu kita tidak terlepas daripada cabaran yang menguji ketahanan kita. Namun, jangan

pernah sesekali kita tunduk pada rintangan, sebaliknya kita tempuhi cabaran tersebut dengan persediaan diri yang matang sekali gus meningkatkan daya ketahanan diri ke tahap yang lebih optimum.

Daya ketahanan diri adalah satu proses yang membolehkan seseorang untuk berhadapan dengan kesukaran, trauma atau tekanan. Ia membantu kita untuk 'bangkit semula' setelah mengalami fasa yang sukar dalam kehidupan. Daya tahan atau ketahanan diri adalah penting semasa kita menghadapi dan mengharungi sesuatu cabaran yang menguji kemampuan kerana ketahanan diri yang kuat dapat membantu dalam membina benteng pertahanan diri daripada pelbagai elemen yang boleh menjejaskan keseimbangan hidup.

Justeru, bagaimana untuk kita membina daya tahan diri yang mantap? Ini dapat dicapai melalui perhatian yang menyeluruh terhadap penjagaan diri yang melibatkan aspek jasmani, emosi dan rohani, bina hubungan yang baik dengan rakan-rakan dan orang sekeliling serta fokus kepada kelebihan diri dan bukannya kelemahan diri.

Tegasnya, di setiap cabaran yang kita hadapi terletak peluang untuk kita memperkuatkan diri dan berkembang sebagai individu yang lebih hebat. Dengan strategi yang mantap dan daya ketahanan diri yang baik, kita dapat menghadapi setiap liku-liku hidup dengan keyakinan dan keberanian diri.

Jadi, mari kita teruskan melangkah ke hadapan, menjadikan setiap cabaran sebagai batu loncatan ke arah kejayaan dan kesejahteraan yang lebih besar dalam menggapai azam tahun ini. Selamat mengharungi tahun baharu dengan azam yang diperbaharui dan semangat yang membara!

**PENULIS** Dr Azmawaty Mohamad Nor merupakan Ketua Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

**DAPATKAN AKHBAR WILAYAHKU SECARA PERCUMA  
DI LEBIH 500 LOKASI TERPILIH  
DI KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN**

**BERIKUT ANTARA LOKASI EDARAN AKHBAR WILAYAHKU:**

**KUALA LUMPUR** - JALAN MAHARAJALELA / KL SENTRAL: DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ■ IBU PEJABAT BOMBA WILAYAH ■ SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD ■ KL SENTRAL ■ MIDA ■ JALAN CENDERASARI: KLINIK KESIHATAN TANGLIN ■ JABATAN KESIHATAN WILAYAH ■ JALAN RAJA LAUT: PEJABAT TANAH DAN GALIAN ■ KWSP JALAN RAJA LAUT ■ JALAN PAHANG: RUMAH PRIHATIN @ GRANDSEASONS ■ JALAN MASJID INDIA: PT10 BUSINESS CENTRE ■ KAMPUNG BARU: YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ KAMPUNG BARU ■ PASARAYA ANGKASA ■ KEDAI RUNCIT MJ STORE ONE ■ KEDAI RUNCIT HAIRUL ZNZ ■ SABASUN HYPERUNCIT ■ PASAR MINI MEULUR SEJAHTERA ENTERPRISE ■ RESTORAN NASI LEMAK ANTARABANGSA ■ MINI CAFÉ URS ONE ENTERPRISE ■ WARUNG ISTANA MAJU ■ KEDAI RUNCIT STABLE KIOSK ■ WARUNG 19 ■ WARUNG NASI LEMAK WANJO ■ 7ELEVEN JALAN RAJA ALANG ■ KEDAI RUNCIT HARAPAN ABAH ENTERPRISE ■ KEDAI RUNCIT SINAR MAJU ■ 7ELEVEN STESEN LRT ■ JALAN TUN RAZAK: INSTITUT JANTUNG NEGARA ■ HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR ■ KLINIK KESIHATAN KUALA LUMPUR ■ PUSAT DARAH NEGARA ■ BERNAMA ■  
**PUTRAJAYA** - PRESINT 1: MASJID PUTRAJAYA ■ PEJABAT PERDANA MENTERI ■ JABATAN AUDIT NEGARA ■ KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA ■ KEMENTERIAN ALAM SEKITAR & AIR ■ BIRO BANTUAN GUAMAN ■ SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM ■ KEM PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ■ JPM - PENGURUSAN HARTANAH ■ JABATAN KERJAJAYA WILAYAH PERSEKUTUAN ■ PLAN MALAYSIA ■ JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA ■ KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA ■ KKM - PENGURUSAN PERUBATAN & PENYAKIT BERJANGKIT ■ KKM - KEJURUTERAAN ■ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ■ BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN ■ BAHAGIAN TEKNIKAL & VOKASIONAL ■ LEMBAGA PERPERIKSAAN MALAYSIA ■ IKATAN RELAWAN RAKYAT ■ KEMENTERIAN DALAM NEGERI ■ KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ■ JABATAN PERKHIDMATAN AWAM ■ KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI & INOVASI ■ SURUHANJAYA PEKHIDMATAN PERGURUAN ■ JABATAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA ■ JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI ■ JABATAN KERJAJAYA - URUSAN BANGUNAN ■ PRESINT 2: KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ JABATAN AKAUNTAN NEGARA ■  
**LABUAN** - PINTU KELUAR AIRPORT ■ SAVEMORE SUPERMARKET ■ BATARAS HYPERMARKET ■ LABUAN GOLF INTERNATIONAL CLUB ■ SUPERMARKET LAYANGAN ■ FAMILY MARKET ■ MUZIUM CHIMNEY ■ PALM BEACH RESORT ■ MASJID AN NUR LAYANGAN ■ AIFA HOTEL ■ HOTEL PULAU LABUAN ■ TIARA HOTEL ■ HOTEL LABUAN POINT ■ LAZENDA HOTEL ■ MOTAC (SEASPORT KOMPLEKS) ■ KOMPLEKS KOMUNIKASI MULTIMEDIA MALAYSIA ■ HOSPITAL LAMA ■ BETA APARTMENT ■ LOBBY LFSA ■ LOBBY BLOK KERAJAAN ■ DORSETT HOTEL ■ IBU PEJABAT POLIS LABUAN ■ MASJID NURUL IMAN ■ PASAR SENTRAL (UTC) ■ MENARA PL ■ MASJID NUR IMAN ■ WISMA PL BLOK A ■ WISMA PL BLOK B ■ PEJABAT KPE ■ TERMINAL LDA ■ KASTAM ■ JPJ ■ JABATAN AIR ■ SESB ■ IBU PEJABAT BOMBA RANCA-RANCA ■ MUZIUM BANDAR ■ MASJID SULTAN MUHAMMAD V ■ BALAI BOMBA KAMPUNG JAWA ■ MASJID AN NUR (BANDAR) ■ MASJID AL FALAH ■ HOSPITAL MEMBEDAI ■ 218 JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT ■

MEDIA WARGA KOTA  
**WILAYAHKU**



Maklumat lanjut sila dapatkan di [www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

# Program Penjanaan Pendapatan Mikro Kredit dan Keusahawanan Beri peluang kembang perniagaan

SYED HAZIQUE

**K**IRA-KIRA 400 usahawan dalam kalangan peniaga mikro berpendapatan rendah (B40) terpilih menyertai program Penjanaan Pendapatan Mikro kredit dan Keusahawanan anjuran Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Pertubuhan Ikatan Pembangunan Usahawan Malaysia (PIAGAM).

Pengarah Eksekutif YWP, **Abdul Rahman Siraj** berkata setakat ini program itu mempunyai jumlah keseluruhan dana bernilai RM1 juta untuk memberi peluang kepada peniaga mikro mengembangkan lagi perniagaan mereka.

Tambah Abdul Rahman, program itu juga diharapkan dapat membantu kerajaan dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan di sekitar Wilayah Persekutuan.

“Program ini adalah usaha pihak YWP bagi membantu para peniaga mikro mengembangkan lagi perniagaan mereka dengan cara lebih teratur, selain itu, barangan jualan mereka juga mungkin boleh dijual bukan sahaja ke seluruh negara malah ke seluruh rantau Asia Tenggara.

“Dengan adanya program seperti ini, ia sedikit sebanyak dapat membantu kerajaan bagi mengurangkan kadar kemiskinan tegar yang terdapat di Wilayah



**ABDUL RAHMAN (tengah) bersama tetamu kehormat dan para usahawan selepas program baru-baru ini.**

Persekutuan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Program Penjanaan Pendapatan Mikro Kredit dan Keusahawanan di pusat rekreasi Cheras, Jalan Peel, Kuala Lumpur.

Jelas Abdul Rahman lagi, dana tersebut juga boleh berkembang jika mendapat suntikan daripada kerajaan bersandarkan kelancaran serta pembayaran balik pinjaman para peserta.

“Setakat ini, kita mempunyai dana sebanyak RM1 juta, jadi kalau program berjalan lancar dan pembayaran balik yang baik dari kalangan para peserta saya yakin kita boleh dapat peruntukan lebih besar daripada kerajaan.

“Saya berharap agar para peserta juga boleh menggunakan peluang yang ada ini sebaik mungkin, pihak YWP berusaha membantu segala yang termampu kepada golongan yang kurang berkemampuan,”

ujarnya.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata pihaknya memberi pembiayaan kewangan 100 peratus kepada para peserta tanpa perlu mengeluarkan sebarang modal perniagaan.

Selain itu, beliau memberitahu kesemua peserta yang terpilih dinilai terlebih dahulu sebelum dipanggil menyertai program tersebut.

“Kita ada ahli jawatankuasa

yang menilai kelayakan mereka, kita faham, peniaga mikro kredit merupakan orang yang kurang berkemampuan, jadi penilaian tidak terlalu sukar buat mereka.

“Walau bagaimanapun, kita nak tengok usaha serta kesungguhan mereka berniaga dan aktif, barulah peluang itu diberikan buat mereka,” katanya.

Terdahulu, turut hadir Timbalan Pengerusi YWP, Datuk Seri TPr Mahadi Che Ngah dan Pengerusi Pertubuhan PIAGAM, Fauziah Mohamed Amin. **WK**

## Info ADUAN

**DBKL**  
Tel : 03-2617 9000

**Perbadanan Putrajaya**  
Tel : 03-8887 7000  
Aduan : 03-8887 3000

**Perbadanan Labuan**  
Tel : 087-408600  
Aduan : 087-408852

**Jabatan Agama Islam KL**  
03-2274 9333

**Jabatan Agama Islam Putrajaya**  
03-8884 2600

**Jabatan Agama Islam Labuan**  
087-415 311

**Wilayahku**  
WhatsApp  
: 011-5958 7489



**PELAJAR dilatih untuk melibatkan diri dengan masyarakat setempat.**

## UNITEN perkenal kursus relevan

HAZIRAH HALIM

**UNIVERSITI** Tenaga Nasional (UNITEN) memperkenalkan dua kursus diploma baharu iaitu Diploma Teknologi Kewangan (Diploma in Financial Technology) dan Diploma Perniagaan Digital (Diploma in Digital Business) di Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS).

Dalam satu kenyataan, UNITEN turut memaklumkan pihaknya juga sedang menjalankan kajian untuk memperkenalkan lebih banyak program yang relevan dengan industri serta memulakan program pengajian dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET) di KSHAS.

“Pihak pengurusan KSHAS sedang berbincang dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk menjadikan UNITEN KSHAS sebagai pusat yang diiktiraf (Accredited Centre) yang menawarkan pelbagai pengiktirafan TVET.

“Langkah ini diharapkan akan menambah kakitangan, meningkatkan bilangan pelajar dan memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi komuniti setempat dengan sasaran jumlah pelajar keseluruhan antara 1,500 hingga 2,000 orang,” jelas kenyataan itu.

Dalam pada itu, UNITEN turut berkongsi beberapa pencapaian

cemerlang yang diperoleh KSHAS pada tahun lalu menerusi Mohamad Luqman Al-Hafiz yang merangkul Pembahas Terbaik Parlimen Mahasiswa Kebangsaan 2003 dan Geran Youngpreneur @ YTC UCYP oleh empat pelajar dalam bidang keusahawanan sekali gus memperkukuh pengiktirafan UNITEN sebagai pemangkin pembangunan usahawan muda.

Selain itu, KSHAS turut aktif dalam pelbagai program sukarela khususnya kepada masyarakat Pahang dengan membantu mangsa banjir dan menganjurkan Majlis Penyampaian Komputer Riba Pahang Pride Orang Asli serta pemberian Insentif Perkahwinan Pertama kepada Orang Asli. **WK**

## Tarik teh di KL Tower

**MENARA** Kuala Lumpur menjemput orang ramai menyerlahkan bakat dalam aksi-aksi kreatif di ketinggian 300 meter dari aras tanah dengan menyertai Cabaran Teh Tarik @ KL Tower pada 27 dan 28 Januari ini.

Menurut Menara KL, cabaran tersebut akan berlangsung dari pukul 2 petang hingga 5 petang dan dijangka akan disertai kira-kira 50 peserta yang akan bertanding untuk menunjukkan kemahiran kreatif mereka dalam membuat serta menarik teh.

“Pusingan akhir diadakan di Sky Deck di mana mereka akan diadili oleh tiga orang juri yang cukup berpengalaman.

“Peserta berpeluang untuk memenangi hadiah wang tunai berjumlah RM5,000 untuk pemenang pertama, RM3,000 bagi pemenang kedua dan RM2,000 untuk pemenang ketiga,” katanya.

Tambahnya, orang ramai yang ingin mendaftar untuk Cabaran Teh Tarik ini, boleh layari [https://docs.google.com/forms/d/1IdHWYUPDvVd80IF-bUXAo2nB2OxcpqHA4bB-znIM9h\\_4/prefill](https://docs.google.com/forms/d/1IdHWYUPDvVd80IF-bUXAo2nB2OxcpqHA4bB-znIM9h_4/prefill) atau platform media sosial rasmi KL Tower

untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Pada hari yang sama, Menara KL turut akan menganjurkan Program 'Surrr! In the Sky' @ KL Tower-Festival Nasi Kandaq bermula pukul 10 pagi hingga 10 malam di Tower Terrace, Menara Kuala Lumpur.

“Festival yang akan diadakan dua hari ini telah membawa lebih daripada 10 pengusaha ternama Nasi Kandaq terkenal dari Pulau Pinang antaranya Hameediyah, Kapitan, Yusuf Relau, Jamal Mohamed dan banyak lagi,” ujarinya.

Lebih menarik, pada kemuncak festival ini, pengunjung juga berpeluang menjamu selera di Sky Deck sambil menikmati pemandangan indah berlatarbelakangkan bandar raya Kuala Lumpur bermula dari pukul 8 hingga 11 malam pada dua hari itu.

“Kami menawarkan pakej berharga RM60 untuk satu keluarga merangkumi dua dewasa dan dua kanak-kanak atau RM20 setiap seorang. Pengunjung perlu menunjukkan resit atau makanan sebagai bukti pembelian di kaunter tiket dan ianya tertakluk kepada terma dan syarat,” ujarinya. **WK**

# Bentuk profesionalisme pengamal media

AZLAN ZAMBRY

DUNIA kewartawanan pada masa kini berdepan dengan cabaran tersendiri berikutan amalan dasar langit terbuka seiring dengan era globalisasi dekad ini.

Persaingan sengit dalam era digitalisasi serta peningkatan wartawan warga (*citizen journalist*) yang menyebarkan informasi tanpa kawalan menyebabkan pelbagai implikasi termasuklah dari sudut perundangan dan etika yang telah menyumbang banyak perkara negatif.

Berikutan itu, tugas dan tanggungjawab wartawan pada masa kini semestinya berat disebabkan perlu melaporkan sesuatu berita dengan pematuhan kepada etika dan pada masa sama perlu bersaing dengan wartawan warga yang tidak terikat kepada perkara tersebut dan peraturan tertentu sehingga menyebabkan kekusaran sesetengah pihak.

Menyadari kepada masalah tersebut, Kelab Akhbar Kebangsaan Malaysia (NPC) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menganjurkan siri latihan profesionalnya dalam usaha untuk membentuk dan meningkatkan kepakaran sekali gus membentuk profesionalisme pengamal media negara ini.

Menerusi latihan siri 1 yang lalu, lebih 40 kakitangan media dan pelajar sekolah kewartawanan mempelajari cara memanfaatkan data, antara lain, dalam Siri Pembangunan Profesional (PDS) NPC pertama yang diadakan di Dorsett Putrajaya.

Salah satu modul program sehari itu termasuk analisis data jurang perbezaan antara perbincangan dalam kalangan kementerian dan menteri mengenai pelbagai topik, dengan tumpuan khusus kepada Malaysia Madani dan keupayaannya untuk mengukuhkan pertumbuhan



AKMAL berkongsi mengenai peranan Jabatan Siasatan MCMC bersama media.

ekonomi. Penyelidikan telah dijalankan oleh Dataxet Nama dengan analisis tambahan oleh Pusat Pengurusan Krisis.

Analisis memperoleh data media oleh Dataxet Nama dari minggu pertama April hingga minggu pertama November 2023 telah menunjukkan kepada peserta mengenai lima kementerian teratas yang merujuk kepada konsep Malaysia Madani iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Komunikasi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Melalui kajian yang dijalankan, Kementerian Pendidikan mempunyai kira-kira 3,146 sebutan dengan 46.8 peratus berkaitan topik pertumbuhan ekonomi di media sosial dan Kementerian Kewangan dilihat melalui 2,806 berita dengan 64.1 peratus berkaitan dengan pertumbuhan

ekonomi negara.

Bagi Kementerian Kesihatan dan Kementerian Komunikasi, masing-masing mencatatkan 2,668 dan 1,536 sebutan berita dengan 36.3 dan 68.8 peratus masing-masing memberi tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi.

Selanjutnya, menerusi data yang sama, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memperoleh 1,327 sebutan berita dengan 73.8 peratus berkaitan pertumbuhan ekonomi.

Laporan itu merumuskan bahawa walaupun terdapat tumpuan yang ketara terhadap pertumbuhan ekonomi, terdapat ruang untuk lebih banyak penglibatan media mengenai konsep dan inisiatif Madani.

Dalam modul 1 bertajuk 'Cracking the code: A Practical Guide to Self-Regulation of Content', peserta turut didedahkan terhadap beberapa isu dan

antara perkara yang disentuh dalam seminar tersebut adalah kepentingan penyuntingan gambar dalam cetakan serta paparan visual yang tidak menyentuh sensitiviti mana-mana pihak.

Menerusi aduan yang direkodkan dan tindakan yang diambil oleh Biro Aduan, agensi yang berkenaan telah menjalankan siasatan berikutan penggunaan gambar dan visual yang jelas telah melanggar etika serta menimbulkan kekusaran kepada keluarga mangsa.

## SINDIKET PENIPUAN

SELAIN itu, menerusi pembentangan daripada wakil MCMC yang memperlihatkan beberapa operasi telah dijalankan bagi memastikan tahap keselamatan pengguna Internet dipelihara termasuklah merangka pelbagai strategi dalam menangani sindiket penipuan Internet serta

pemantauan penggunaan sim yang didaftarkan menerusi akaun antarabangsa.

Sementara itu, Presiden NPC, **Datuk Ahirudin Attan** berkata wartawan perlu diperkasakan dengan data yang mengukuhkan laporan mereka.

"Penyelidikan seperti ini, yang menggunakan teknologi terkini, bersama dengan pengetahuan mendalam tentang topik yang sedang berjalan, akan membantu media untuk mengukuhkan kepentingan cerita mereka.

"Visi Kelab Akhbar Kebangsaan Malaysia adalah untuk melihat industri media cergas yang boleh terus memainkan peranan aktif dalam masa depan pembangunan negara.

"Kami bersyukur dapat bekerjasama dengan rakan kongsi yang kuat dan inovatif untuk NPC PDS, termasuk SKMM, Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR), Pusat Pengurusan Krisis, Dataxet Nama dan Telum Media.

"Kami juga mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penaja korporat kami atas sokongan berterusan mereka, iaitu Maxis Berhad, Huawei Malaysia, Cheffaro by Eng Sheng Sdn Bhd, Blackmores (Malaysia) Sdn Bhd, The Gilded Lion Antiques & Art Gallery, West Coast Expressway, dan Telekom Malaysia Berhad," kata Ahirudin.

Jurulatih yang terlibat dalam PDS NPC pertama ialah Ketua Jabatan Siasatan MCMC, Akmal Hamdy Baharudin; Pengarah Eksekutif Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Content Forum), Mediha Mahmood; Pengurus Kanan Forum Kandungan, Mawar Abd Latiff; Pengurus Forum Kandungan, Ahmad Fazlin Abu Kassim; Pengasas Pusat Pengurusan Krisis, Nordin Abdullah; Penerbit Bernama TV Gerard Ratnam; dan Pengarah Urusan Dataxet, Chris Seto. **Wk**



PROGRAM peningkatan kepakaran untuk pengamal media dapat membantu menambah baik bahan pemberitaan sekali gus mencorakkan profesionalisme dalam kalangan masyarakat.

Demi kesejahteraan rakyat Labuan

# Zaliha fokus infrastruktur asas

KHAIRUL IDIN

**M**ENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata isu gangguan bekalan air yang berpanjangan di Labuan menjadi satu komitmen Kerajaan Persekutuan untuk menanganinya sejajar dengan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Untuk itu, langkah komprehensif terus diambil untuk meningkatkan pembangunan infrastruktur asas Labuan demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

“Projek-projek ini dijangka akan dilaksanakan secara berperingkat dan dijangka siap seawal Jun 2024, dengan fasa akhir akan siap selewat-lewatnya pada suku pertama 2025.

“Satu komponen penting inisiatif ini melibatkan pelaksanaan tiga projek penggantian paip sepanjang 70 kilometer, dengan anggaran kos RM108 juta.

“Keutamaan saya adalah untuk menyelesaikan infrastruktur asas



**ZALIHA (lima dari kiri)** menyampaikan replika penyerahan tangki air dan kelengkapan kepada pihak SM Sains Labuan.

terlebih dahulu bagi memastikan kesejahteraan dan kesejahteraan rakyat di Labuan terjamin,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan sesi turun

padang di beberapa tapak projek pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12 yang diselia oleh Perbadanan Labuan (PL) dan agensi kerajaan. Dalam masa sama, Dr Zaliha

berkata Belanjawan 2024 dengan peruntukan sebanyak RM300 juta, akan memudahkan kerja pembaikan dan penggantian paip air di Pulau Enao dan Bukit Kalam menjelang

suku kedua tahun 2024.

“Selain itu peningkatan berterusan dan penggantian infrastruktur dan paip penuaan akan dijalankan secara berperingkat, bermula pada 2024,” jelasnya.

Dalam perkembangan lain, bagi menentukan hala tuju pembangunan Labuan menjelang 2040, beliau melancarkan Program Publisiti dan Penyertaan Awam bagi Laporan Rancangan Struktur Labuan 2040.

Laporan tersebut akan menentukan hala tuju pembangunan Labuan menjelang 2040 dan ia harus dilengkapkan sebelum ia digazetkan.

“Perbadanan Labuan dengan kerjasama PLANMalaysia akan mengadakan sekurang-kurangnya sembilan program outreach melibatkan pemegang taruh bermula sehingga 29 Februari bagi menerangkan rancangan struktur dan mengumpul sebanyak mungkin pandangan dan hasrat rakyat,” katanya. **WK**

## JWP garis 92 program sepanjang 2024

**BAGI** meningkatkan landskap sosioekonomi Labuan, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) telah menggariskan pelan komprehensif merangkumi 92 program yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2024.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata 92 program itu digariskan secara strategik untuk memacu Labuan ke hadapan dalam laluan pembangunan yang mampan.

“Selepas lawatan kerja Perdana Menteri tahun lepas, beliau telah meminta agar kementerian dan agensi kerajaan untuk mengadakan program di Labuan pada tahun 2024.

“Lanjutan daripada arahan tersebut, kami di JWP telah menerima dan mengumpul sebanyak 92 program yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan sepanjang tahun ini.

“Sudah pasti kehadiran peserta ke 92 program itu akan memberi impak positif kepada Labuan, bukan sahaja dengan meningkatkan sosioekonomi Labuan malah terhadap ekonomi masyarakat setempat,” kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan 2024 dan Program Publisiti dan Penyertaan Awam Laporan Rancangan Struktur Labuan 2040.

Turut hadir Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, Simsudin Sidek dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail.

Dalam usaha memacu ekonomi Labuan menerusi sektor pelancongan, Dr Zaliha telah mengarahkan Perbadanan Labuan bekerjasama dengan pelbagai agensi bagi menubuhkan satu pasukan khas bagi merancang sektor pelancongan di pulau itu.

“Objektif utama pasukan petugas ini untuk mengenal pasti dan mengetengahkan tapak pelancongan menarik yang berpotensi untuk merencanakan sektor pelancongan di pulau ini.

“Saya mahu pasukan petugas ini ditubuhkan segera kerana inilah agenda kita untuk merencanakan sektor pelancongan Labuan,” katanya.

Dr Zaliha turut menyatakan keyakinan dengan penubuhan pasukan khas itu dapat memainkan peranan penting mampu menjadikan sektor pelancongan di Labuan terus berkembang seperti hasratnya untuk menjadikan Labuan sebagai hab ekonomi, pelancongan dan pendidikan. **WK**



**ZALIHA (tengah)** menyempurnakan pelepasan konvoi motosikal berkuasa tinggi.



**SHALIZA (lima dari kiri)** dan **Roslee (dua dari kanan)** ketika sesi tinjauan.

## Daftar PADU awal elak kesulitan

**MASYARAKAT** Labuan diingatkan agar tidak menunggu saat akhir untuk mendaftar diri dalam Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) bagi mengelakkan sebarang kesulitan di kemudian hari.

Menurut Ketua Pejabat Operasi Pejabat Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Labuan, **Shaliza Mohd Hasli@Bob**, warga Labuan yang berumur 18 tahun ke atas diseru untuk segera mendaftarkan maklumat ke dalam sistem PADU yang dibuka sehingga 31 Mac ini.

“Dua kaunter fizikal PADU ditempatkan di Pusat Ekonomi Digital (PEDi) Kampung Lubok Temiang dan PEDi Kampung Sungai Labu selain kaunter fizikal Pejabat DOSM Labuan yang beroperasi dari Isnin hingga Sabtu mulai pukul 9.30 pagi sehingga 5 petang.

“Pendaftaran PADU di Labuan juga masih di peringkat awal dan jumlah individu yang mendaftar sangat menggalakkan namun kita memohon orang ramai untuk tidak menunggu saat akhir bagi mengelakkan sebarang kesulitan,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Labuan, S Roslee Matusin berkata sistem yang dibangunkan memudahkan kerajaan menyalurkan sebarang bantuan dan inisiatif kepada rakyat terutamanya dalam pengagihan subsidi atau bantuan secara bersasar.

“Saya berharap masyarakat mengambil peluang untuk mendaftar diri ke dalam sistem PADU lebih awal bagi mengelakkan tercicir daripada sebarang bantuan kerajaan,” jelasnya. **WK**

## Sambutan Hari Wilayah Persekutuan ke-50

## POD 2024 bakal meriahkan Putrajaya

**PENGANJURAN** Putrajaya Open Day (POD) yang bakal diadakan pada 1 Februari 2024 bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) yang ke-50 tahun merupakan acara yang amat dinantikan. Lebih istimewa ia juga bersempena ulang tahun ke-28 Perbadanan Putrajaya (PPj) dan pusat pentadbiran Putrajaya yang melangkah ke usia 29 tahun penubuhan.

Pelbagai pengisian menarik diadakan bermula 1 hingga 4 Februari 2024 bertempat di Kompleks PPj bermula pada pukul 9 pagi hingga 11 malam (1 hingga 3 Februari) manakala pada hari terakhir akan bermula pada pukul 9 pagi hingga 5 petang.

POD 2024 merupakan wadah

bagi orang awam mendapatkan perkhidmatan kerajaan dalam satu tempat, mengetahui perkhidmatan-perkhidmatan agensi kerajaan yang terkini selain menawarkan pelbagai aktiviti ekonomi dan riadah keluarga untuk memanfaatkan golongan peniaga kecil khususnya penjaja kecil, penggiat industri kreatif tanah air dan juga pekebun bandar yang dapat memasarkan jualan produk mereka pada masa ini.

Bagi mengetahui dengan lebih lanjut mengenai POD 2024, ikuti sesi wawancara eksklusif wartawan **Wilayahku**, **SABRINA SABRE** bersama Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat PPj, **TPR NORZITA ABDUL RAZAK**.

**Apakah matlamat POD pada kali ini?**

Objektif penganjuran POD 2024 adalah untuk meningkatkan jaringan sosial antara Perbadanan Putrajaya dengan warga komuniti bagi mewujudkan keharmonian dan kebersamaan di antara PPj dengan semua jaringan masyarakat.

Selain itu, melalui platform ini juga, pihak Kementerian, agensi, perbankan, telco dan lain-lain yang terlibat dapat menyampaikan maklumat terkini mengenai dasar dan perkhidmatan serta produk kepada pemegang taruh, pelanggan dan rakan strategik.

Bukan itu sahaja, ia juga dilaksanakan bagi memberi peluang kepada orang ramai dan pihak berkepentingan untuk menyalurkan aduan, komen dan sasaran untuk penambahbaikan perkhidmatan PPj selain membantu meningkatkan ekonomi dan pendapatan peniaga-peniaga serta merencanakan industri pelancongan Putrajaya.

**Apakah tarikan utama penganjuran pada tahun ini?**

Terdapat banyak pembaharuan yang kami bawa pada POD 2024 khas untuk pengunjung yang hadir. Sebanyak 10 zon dan kawasan yang akan diketengahkan antaranya Mini Tourism Fair @ Putrajaya, Putrajaya Meowxotica Fiesta, Esports serta Agro Pertanian dan Produk Hiliran.

Dalam masa sama, pengunjung berpeluang hadir ke Wilayah Persekutuan Berselawat 2024 pada 1 Februari ini pada pukul 8 malam. Antara penceramah dan selebriti yang bakal memeriahkan majlis tersebut adalah Habib Nael Ben Taher, Habib Najmuddin Al Khered, Kumpulan Inteam, Hafiz Hamidun dan ramai lagi.

Di samping itu, pihak PPj turut menghimpunkan 80 kementerian dan agensi bagi menyampaikan maklumat

terkini berkaitan perkhidmatan atau produk kepada orang awam, pemegang taruh dan rakan strategik. Ia adalah bagi menyediakan maklumat, produk pelancongan, kesenian, kebudayaan dan kraf tangan kepada pengunjung yang hadir dengan kerjasama Tourism Malaysia, Kraftangan Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia.

Lebih menarik, pengunjung yang hadir juga boleh mendapatkan diskaun sehingga 50 peratus bagi saman terpilih seluruh negara daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM). Malah pihak kami juga akan mengadakan Kempen Jom Bayar Kompaun/Saman dengan kadar RM10 (kompaun) dan RM30 (bayaran saman) tertakluk kepada terma dan syarat.

**Selain kaunter perkhidmatan daripada pelbagai kementerian, apakah tarikan lain yang bakal menarik minat pengunjung?**

Pengunjung akan disajikan dengan 145 booth jualan yang menawarkan pelbagai jenis produk antaranya *beauty and wellness; baby and kids; lifestyle and services (travel); fashion and accessories; food and beverages* (F&B) dan Jualan Rahmah (*Back To School*),



Kempen Beli Barangan Malaysia serta barang keperluan kering). Kami juga menyediakan 60 buah ruerai F&B dengan menu dari pelbagai negeri untuk santapan pengunjung yang hadir.

Buat pertama kali PPj mengumpulkan pelajar dan produk di bawah *technical and vocational education and training* (TVET) di mana melibatkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM),

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Antara

perkhidmatan yang ditawarkan adalah potong rambut, kulinari, bakeri dan pastri, seni reka fesyen, servis

membaik pulih

telefon dan barang elektrik dan teknologi *3D printer*. Seterusnya, program ini juga memberi ruang kepada persatuan atau badan bukan kerajaan (NGO) dari Putrajaya untuk mempamerkan produk mereka. Antaranya Kraftangan Malaysia, Penjara Kajang, Kelab Usahawan Putrajaya (KUPPutra) dan juga Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu.

Di samping itu, turut diadakan Karnival Kerjaya MYFutureJobs @ Putrajaya Open Day 2024 dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), pertandingan mewarna, pertandingan melukis *doodle*, pertandingan mereka bentuk blok lego, pertandingan fesyen kanak-kanak menggunakan barang kitar semula, *POD Explorace*, pertandingan esports, pertandingan zapin, Program Kayuhan Ceria pada 3 Februari dan Berjalan Sihat pada 4 Februari.

Pengunjung juga berpeluang melawat destinasi lain di Putrajaya dengan menaiki Bas Hop-On-Hop Off (Ronda-Ronda Putrajaya) dengan bayaran RM10 yang mana mereka akan duduk di tingkat 2 bas (tanpa bumbung) sambil menikmati keindahan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

**Sasaran pengunjung yang dijangka datang ke POD 2024?**

POD kali ini menyasarkan sebanyak 80,000 pengunjung dan pelancong ke Putrajaya seterusnya dapat merencanakan lagi sektor ekonomi menerusi pelancongan acara.

Bagi pengunjung yang hadir, kita akan menyediakan tempat parkir kereta percuma pada hari Khamis dan Jumaat selepas pukul 6 petang hingga malam manakala pada Sabtu dan Ahad percuma dari pagi sampai malam.

**Penganjuran POD pada kali ini dilaksanakan oleh PPj sahaja atau ada bekerjasama dengan rakan strategik?**

Sama seperti tahun-tahun sebelum ini, POD merupakan acara yang ditunggu-tunggu oleh semua rakan strategik untuk terlibat sama dalam menjayakan acara tersebut, apatah lagi pada tahun ini Sambutan Hari Wilayah dan POD dilaksanakan secara serentak sebagai pembukaan tahun 2024, semestinya aktiviti yang disenaraikan menjanjikan sesuatu yang 'wow' kepada pengunjung yang hadir.

*Alhamdulillah* pada tahun ini kita dapat kerjasama yang sangat baik daripada pihak Kementerian dan agensi di Putrajaya dan Kuala Lumpur selain 80 rakan strategik antaranya Bank Simpanan Nasional (BSN); Bank Islam Malaysia; Tourism Negeri (Terengganu, Perlis, Melaka, Labuan, LADA, Kelantan), Tourism Malaysia, Produk Pelancongan Putrajaya; Travel Agent; Jabatan Akauntan Negara; Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta ramai lagi.

**Harapan bagi penganjuran kali ini?**

Saya berharap POD 2024 dapat meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan PPj, kementerian dan agensi awam yang mengambil bahagian; merapatkan lagi kerjasama dan *engagement spirit* antara kerajaan dan rakyat, merencanakan sektor pelancongan dan membantu menjana pendapatan golongan peniaga kecil, penggiat industri pelancongan dan industri hartanah Putrajaya.

Selain itu, diharapkan program ini dapat memanfaatkan rakyat daripada seluruh negara untuk mendapatkan perkhidmatan kerajaan ditawarkan pada masa ini termasuk keistimewaan diskaun saman dan lain-lain.

Justeru, saya ingin mempelawa dan menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk hadir ke POD 2024 kerana pelbagai aktiviti yang disajikan kepada pengunjung yang hadir.

Boleh layari media sosial kami Facebook @Perbadanan Putrajaya; Twitter @putrajayacorp; Instagram, YouTube dan TikTok @perbadananputrajaya serta melalui laman sesawang PPj di [www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my).

Jangan lupa untuk *hashtag* hantaran anda iaitu #POD2024; #perbadananputrajaya; #wilayahuntuksemua dan #malaysiamadani. **WIK**



Bangkit daripada kekecewaan

# Hoe Yean sedia beraksi di Doha Februari ini

SABRINA SABRE

**J**AGUH renang negara, Khiew Hoe Yean berazam untuk berusaha keras dan melakukan yang terbaik pada Kejohanan Akuatik Dunia 2024 di Doha, Qatar yang dijadualkan berlangsung pada 2 hingga 18 Februari ini.

Berbaki kurang sebulan menjelang kejohanan berkenaan, Hoe Yean berikrar menjadikan pertemuan di Doha itu sebagai batu loncatan buatnya untuk layak ke Sukan Olimpik 2024 di Paris.

"Saya akan beraksi pada acara kegemaran iaitu 400 meter (m) gaya bebas lelaki di Aspire Dome dan perlu berenang di bawah 3 minit 46.78 saat (s), masa kelayakan Olimpik bagi acara itu.

"Sekiranya gagal berbuat demikian di Doha, saya akan tetap mencuba untuk menempah tiket sekali gus membuat penampilan sulung di Paris 2024 menerusi pertandingan lain sebelum kelayakan Olimpik berakhir pada 23 Jun," ujarnya.

Dalam masa sama, atlet berusia 21 tahun itu juga berhasrat untuk memadamkan catatan peribadi terbaiknya iaitu 3:48.72s yang



AKSI Hoe Yean ketika Sea Games 2023 di Kemboja.

juga rekod kebangsaan dilakar pada Kejohanan Dunia 2022 di Budapest, Hungary.

"Saya mahu memecahkan rekod peribadi terbaik kerana merasakan saya perlu ke tahap lebih tinggi untuk berjaya. Saya telah bekerja keras dalam semua perkara untuk

memperbaiki diri seperti teknik dan catatan masa (dalam latihan)," ujarnya.

Selain itu, atlet kelahiran Kuala Lumpur itu turut memaklumkan dia sudah bangkit daripada kekecewaan ketika Sukan Asia Hangzhou 2022 apabila

ketinggalan hanya beberapa saat untuk merangkul pingat gangsa pada pusingan akhir.

"Kini saya berada dalam prestasi yang jauh lebih baik selepas kembali daripada membuat penampilan pertama pada Sukan Asia September tahun lalu,"

## Pencapaian Hoe Yean

**2023 - SEA Games - 1 emas, 2 perak, 2 gangsa**

**2022 - SEA Games - 1 emas, 3 perak, 1 gangsa**

**2022 - 19th FINA World Championships - Tempat Ke-15**

**2022 - Sukan Komanwel - Tempat keenam**

ujarnya.

Baru-baru ini, pelajar bidang sains komputer di Universiti UCSI itu mengukuhkan statusnya sebagai satu daripada prospek terbaik Malaysia dengan memecahkan rekod kebangsaan 1,500m gaya bebas lelaki pada Kejohanan Queensland di Australia.

Hoe Yean yang muncul sebagai kedua terbaik pada final, melakar 15:21.92s untuk memadamkan catatan terdahulu 15:23.61s yang direkodkan Jeffry Ong pada tahun 1991. **WK**

## Atlet Program Podium perlu gembeng usaha ke Olimpik Paris 2024

**ATLET** di bawah Program Podium perlu menjadikan pengumuman elaun bulanan yang ditukar kepada gaji oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sebagai pembakar semangat untuk mereka melayakkan diri ke Sukan Olimpik Paris 2024.

Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** berkata pihaknya telah menunaikan hasrat atlet berhubung perkara tersebut dan justeru, sudah tiba masa mereka berusaha sehabis mungkin bagi melayakkan diri ke temasya sukan paling berprestij itu.

"Kita mahu atlet podium bukan sahaja badminton kerana mereka sekarang ini akan tandatangan untuk menerima gaji. Jadi atlet kena lihat bahawa latihan sahaja tidak cukup kerana rakyat Malaysia mendoakan mereka serta mahu lihat hasilnya," kata beliau

kepada pemberita selepas Majlis Malam Anugerah Olahraga Malaysia baru-baru ini.

Beliau berkata masa semakin suntuk dan hanya berbaki beberapa bulan untuk atlet terbabit ke Paris bagi menyertai acara yang akan berlangsung pada 27 Julai hingga 12 Ogos depan.

"Saya mahu mereka pastikan dapat layak dan ambil serius berhubung perkara ini. Bukan semua dapat peluang ini dan belum tentu ada peluang kedua buat mereka pada temasya Sukan Olimpik 2028 di Los Angeles," katanya.

Khamis lepas, KBS mengumumkan bayaran elaun bulanan atlet di bawah Program Podium ditukar kepada gaji dan akan dinaikkan dengan minimum asas sebanyak RM1,500 sebulan. - **BERNAMA**



HANNAH mengumumkan atlet Program Podium terima caruman.

## KEJOHANAN BADMINTON WIPERS BERSAMA MEDIA

### 27 JANUARI 2024

KOMPLEKS KEJIRANAN PRESINT 11, PUTRAJAYA

**8.30 PAGI**

Sila imbas Kod QR untuk pendaftaran  
\* Penyertaan hanya dibuka kepada 30 peserta terawal sahaja

**HADIAH**

**JOHAN : RM900.00**

**NAIB JOHAN : RM600.00**

**KETIGA : RM300.00**

[www.wipers.gov.my](http://www.wipers.gov.my)

MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

official\_mswp.wipers

@MSWP.WIPER

# Magik untuk Siti Nurhaliza

DEEL ANJER



**P**ADA saat rakan-rakan seperjuangan 'ditenggelami' oleh ramai artis baharu yang lebih menyerlah, penyanyi tersohor **Datuk Seri Siti Nurhaliza** tetap dengan takhta sebagai penyanyi nombor satu Malaysia. Tidak pernah

bermegah atau membangga diri, penyanyi ini mengaku bukan mudah untuk dirinya mengekalkan kecemerlangan setelah hampir tiga dekad berada di tahap sekarang.

"Perkara yang paling sukar sepanjang bergelar anak seni adalah untuk mengekalkan nama dan peminat yang setia. Ia tidak mudah. Bagi saya, para peminat sebenarnya yang buat magik untuk saya."

"Apa yang saya capai hari ini, bukan hanya kerana saya Siti Nurhaliza, sebaliknya merekalah yang buat saya jadi macam ini, sampai ke tahap ini. Kita manusia biasa yang tak sempurna. Saya akui, ada kekurangan serta memang ada yang lagi bagus daripada saya dan sebagainya."

"Tapi apabila peminat punya kesungguhan itu macam magik, buat saya rasa *wow!* Mereka ini memang betul-betul sayang saya. Dengan izin Allah, disebabkan kasih sayang merekalah saya masih berada dalam industri," ujarnya.

Dia juga turut mengakui sokongan tersebut juga membuatnya masih bertahan dan dalam masa yang sama Allah yang

paling utama menentukan rezeki buat dirinya.

"Kalau peminat tak *happy*, susah juga. Semua ini ada bersangkut paut. Jadi apa yang boleh saya katakan, peminat yang luar biasa sebenarnya. Apa yang saya ada hari ini, adalah semangat mereka juga," katanya.

Namun, tidak semua yang senang hati melihat kejayaan demi kejayaan yang dikecapi penyanyi yang baharu sahaja muncul dengan album *Sitism* ini.

Terbaharu, tiket Konsert Sebuah Epitome Saya Siti Nurhaliza terjual dalam masa dua jam sahaja selepas dibuka. Namun peliknya ada yang kurang senang dengan sambutan luar biasa itu.

"Dalam dunia sekarang, Kalau kita nak layan semua komen atau apa orang cakap, memang takkan buat kerja. Asyik fikir apa yang orang cakap. Sekarang adalah masa kita teruskan buat kerja. Fokus apa yang sepatutnya. Abaikan sahaja perkara yang di luar kawalan kita kerana semua orang boleh berkata apa sahaja dalam media sosial," ujarnya. **WK**



## Siapalah kami tanpa Saari Amri

**RINDU** peminat kumpulan legenda UK's dan Slam pasti terubat apabila kedua-duanya bakal bergabung dalam Concert UK'Slam Musical yang bakal berlangsung pada 3 Februari ini di Stadium Malawati Shah Alam, Selangor.

Menurut vokalis UK's, Mohd Azmir Muhammad Yusof, 54, atau **Amir Ukays** konsert anjuran Bombay Legend Worldwide bersama AmirUK's Entertainment pastinya menjadi berita yang ditunggu-tunggu peminat.

"Idea ini muncul apabila kami inginkan kelainan kerana UK's dan Slam tak pernah disatukan dalam sebuah konsert. Lagi pula kami bawah satu sifu iaitu Saari Amri. Jadi, tidaklah banyak perbezaan antara kami dari segi genre lagu," katanya.

Apa yang menarik, konsert ini juga adalah *tribute* buat komposer hebat Saari Amri yang akan hadir pada malam itu kerana beliau insan yang bertanggungjawab menaikkan nama UK's dan Slam menerusi lagu-lagu ciptaannya.

"Lagu-lagu ciptaan beliau berjaya membuat peminat-peminat muzik di Malaysia terhibur sehingga nama masih dikenali sehingga tiga dekad. Itulah rahsia kami kekal diminati dari pelbagai peringkat umur."

"Ia satu tempoh yang panjang dan inilah masa untuk kami bergabung dan bersyukur diberikan kesihatan yang baik sehingga masih mampu untuk membuat persembahan secara *live*," ujarnya.

Amir juga turut berkongsi rahsia nama UK's dan Slam malar segar kerana lagu-lagunya bukan sahaja terdiri daripada melodi yang indah bahkan liriknya yang berjaya meruntun hati peminat.

"Diharapkan peminat tidak melepaskan peluang kerana gabungan ini belum tentu dapat dilakukan pada masa depan. Baik UK's dan Slam, masing-masing mempunyai lagu malar segar yang menjadi siulan sehingga sekarang. Saya dapat bayangkan, semua peminat menyanyi bersama-sama kami nanti."

"Saya pasti, mereka juga mempunyai kisah dan kenangan tersendiri apabila mendengar lagu-lagu kami. Sebenarnya dah dua kali tangguh konsert ini disebabkan masalah yang tak dapat dielakkan," tambahnya lagi.

Sesiapa yang berminat boleh dapatkan harga tiket berharga bermula RM108 hingga RM588 di laman sesawang [ilassotickets.com](http://ilassotickets.com).

Eksklusif bagi pembaca *Wilayahku*, anda boleh mendapatkan 10 peratus diskaun bagi harga tiket dengan membawa keratan ini ke 500 lokasi penjualan tiket. Maklumat lanjut, sila layari laman *Instagram @wilayahku.com.my*. **WK**

## Zaki Yamani enggan dibayangi bapa

**PENYANYI** remaja yang sedang meningkat naik, **Zaki Yamani** mengakui ramai yang mengatakan dirinya klon kepada bapanya, Datuk Jamal Abdillah.

Mana tidaknya, vokal Zaki atau nama sebenarnya Ahmad Zaki Yamani Jamal Ubaidillah, 17, semakin hari kedengaran sama seperti bapanya.

"Sejujurnya saya sebenarnya terkejut apabila lama-kelamaan suara mirip ayah. Kalau nak diikutkan, saya mula menyanyi sejak sekolah rendah dan dalam masa yang sama, tak sedar pun suara bertukar sikit-sikit."

"Apabila ramai yang cakap suara dah macam ayah, ada betulnya juga. Saya pun baru perasan kerana ia berlaku secara semula jadi. Tak sedar pun. Paling ketara perkara ini sejak menyertai rancangan Famili Duo bersama abang, Yamani Abdillah."

"Kalau peminat kata klon Jamal Abdillah, saya tak boleh buat apa. Sememangnya saya anak beliau dan bakat yang diwarisi ini juga daripada beliau," ujarnya.

Kata Zaki, selama ini dia hanya membawa imej sendiri kerana ingin dikenali di atas bakat yang dikurniakan tanpa menggunakan populariti bapa tersayang.

"Saya menerima macam-macam komen daripada netizen, ada yang cakap suara saya sekarang tak kena dengan muka. Suara besar, muka masih nampak budak-budak. Iyalah, saya

pun masih bersekolah."

"Mereka yang mengikuti perkembangan saya dari awal terutamanya media, pasti tahu asalanya suara saya lain. Namun mereka yang baru mengenali saya, pasti akan cakap suara saya macam Jamal Abdillah."

"Apabila bersembang dengan ayah dan abang, suara kami bergelak ketawa pun sama. Bukan hanya suara sama, masa bila hendak ketawa pun sama juga," katanya berseloroh.

Dia juga mengaku berusaha untuk mempelbagaikan genre nyanyian seperti dangdut dan lagu rancak yang memerlukan tarian moden kerana mahu dikenali dengan identiti sendiri selain penyanyi serba boleh.

Dalam perkembangan lain, Zaki Yamani baru sahaja muncul dengan lagu ciptaannya *Mati Rasa* yang mengisahkan seorang lelaki yang berkawan dengan seorang gadis dan lama-kelamaan mereka saling menyukai antara satu sama lain.

"Namun, gadis tersebut akhirnya menjauhkan diri dan senyap tanpa berita. Rupa-rupanya dia sakit. Nak tahu lebih lanjut, kena tonton video muziknya di laman *YouTube*," ujarnya lagi. **WK**



# WILAYAHKU

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 246 ● 19 - 25 JANUARI 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)



Hoe Yean sedia beraksi di Doha Februari ini

22

